

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Januari-April 2013

UMP Peneraju Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi



MAJLIS PELANCARAN



ISSN 1823-7487



9 771823 748004



De Kuala Cafe
lambang kerjasama
ECER dan UMP



Kembali kepada
asas-NC



4 UMP peneraju Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi



5 De Kuaja Cafe lambang kerjasama ECER dan UMP



6 Anugerah Cendekia Bitara harga penyelidik dan pensyarah cemerlang



03 - Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor

08 - Kembali kepada asas- NC

10 - Menteri Mentor UMP serah BR1M

11 - Warga UMP sumbang 12 ribu bantu dana Tabung Palestin-Gaza

12 - Menteri KPT galak mahasiswa sertai program khidmat masyarakat

13 - 1,000 anak pokok ditanam sempena Hari Hutan Kebangsaan

14 - 40 ribu pengunjung banjiri Jom Masuk U Zon 7

16 - Azwan harumkan nama UMP rangkul Ikon Varsiti BH

17 - Kefahaman Sains dan Teknologi terhadap pembangunan industri kimia

18 - Syarahan umum antarabangsa bincang kejuruteraan perniagaan

19 - UMP anjur Wacana Ilmu Profesor Bersama Masyarakat

20 - Naib Canselor rasmi Tunas Saintis MRSM peringkat kebangsaan

21 - CAIC anjur perkongsian amalan terbaik Pengajaran & Pembelajaran

22 - UMP, 3 universiti luar Negara kongsi kepakaran industri pembuatan

23 - ASM, UMP anjur Seminar Antarabangsa Nadir Bumi

24 - Program Profesor Bersama Masyarakat memanfaatkan perkongsian

25 - Universiti memasyarakatkan pendidikan

26 - Sinergi berterusan UMP dan ECERDC tingkat pencapaian akademik pelajar luar Bandar

27 - 2 penyelidik raih pingat emas di Archimedes Rusia

28 - 3 Penyelidik harumkan nama UMP

29 - UMP rangkul 13 pingat, 2 anugerah di MTE 2013

30 - CITREX pameran 179 penyelidikan UMP

31 - Pelajar raih 6 pingat emas dan 3 Anugerah Khas dalam 1-ENVEX

32 - Pelajar FKKSA menang Pertandingan IEM Plant Design

33 - Pelajar perlu manfaatkan bantuan Netbook 1Malaysia

34 - Majlis Makan Malam erat hubungan warga kerja UMP

35 - Persatuan Matahari sambung ulang tahun ke-3

36 - 8 delegasi UMT lawat PPKPK

37 - UMP semak Pelan Strategik 2011-2015 ukur tahap pencapaian

38 - Klik-Klik Lensa

40 - BKSS anjur Rehlah dan Ziarah

41 - UMP, PKNP turun padang anjur Seminar dan Motivasi Pelajar

42 - UMP jalin kerjasama dengan Mercedes Benz

43 - Naib Canselor adakan lawatan ke China

44 - UMP jalin kerjasama dengan IBM Malaysia

45 - UMP jalin kerjasama dengan MTDS

46 - UMP jalin kerjasama dalam program pembangunan pembangunan kemasyarakatan PKNP

47 - UMP terimaa sijil ISO/IEC 2700 perkukuh keselamatan ICT

48 - 27 kontinjen staf UMP sertai perarakan Maulidur Rasul

49 - UMP bantu pulihara hidupan marin

50 - 5 pelajar terima bantuan banjir

51 - Program Selangkah ke UMP suntik semangat pelajar sekolah cipta kejayaan

52 - Mahasiswa jelajah kampung dalam Kembara Pahang FM bersama UMP

53 - 100 berkonvoi motosikal dekati masyarakat

54 - 40 anggota Wataniah tamat Kursus Kadar.

55 - Pelajar FKKSA menang pertandingan Chem-E-Car anjuran IEM

56 - In-Smartive, Persatuan Matahari jayakan Projek Kilaun Mutiara

57 - Festival Bayu Kenyalang perkenal kepelbagaian budaya etnik

58 - Projek Semaian Budi dekati warga RSK Bedong dan Semuji

59 - Semaian Budi 3.0 inisiatif sulung Kelab In-Smartive di Arau

60 - Kem Interaksi Pemimpin Muda perkasakan jati diri pelajar sekolah

61 - 53 pelajar tingkat kemahiran berbahasa Inggeris

62 - Naib Canselor rasmi Kejohanan Sukan MWGi di kalangan pelajar

63 - Sumber Manusia

65 - Perpustakaan ke arah pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 2015

66 - Terbitan Terkini

68 - Artikel/Rencana Pilihan

70 - Artikel/Rencana Pilihan

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitaishah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Perkukuh Asas, Mendepani Kecemerlangan

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP

Melewati saban tahun yang penuh detik kejayaan dicipta, wajar Naib Canselor meminta warga UMP untuk kembali menziarahi semula (*revisit*) asas dalam fasa pelaksanaan strategi seperti mana yang telah direncanakan sebelum ini, kembali kepada asas disampaikan oleh beliau dalam Amanat Tahun Baharu 2013 yang lalu.

Maka, wajar melalui medium berinformasi ini, ditegaskan sekali lagi bahawa apa yang disampaikan melalui amanat tersebut merupakan langkah untuk menyeru warga UMP supaya mengekalkan momentum supaya tidak terleka dengan keselesaan yang dikecapi pada hari ini. Jati diri yang utuh perlu dititikberatkan apabila kita menoleh ke belakang untuk melihat dan menilai semula sejauh mana prestasi kita. Pengukuran masa dengan menziarahi semula akar umbi kita pastinya akan lebih memberi suntikan nafas yang baharu sama ada langkah kita di masa akan datang perlu dibaiki atau diperbetulkan semula.

Namun, saya amat yakin setiap keringat yang dicurahkan oleh warga UMP amatlah bermakna sekali walaupun ia dilihat sekecil zarah kerana dari sekecil zarah itulah yang akan membentuk UMP sehingga hari ini.

Bagi berkongsi kecemerlangan yang diasaskan oleh jati diri kukuh setiap warga institusi ini, terlebih dahulu diucapkan sekalung tahniah kepada Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang telah dilantik semula sebagai Naib Canselor UMP bersama-sama dengan Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang juga turut dilantik semula menyandang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP. Tidak ketinggalan, tahniah juga diucapkan kepada Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bagi tempoh tiga tahun ini. Semoga dengan pelantikan ini, dapatlah meneruskan agenda universiti seperti yang dirancang dengan jayanya.

Jutaan tahniah juga diucapkan di atas kejayaan warga UMP di persada antarabangsa apabila berjaya meraih pingat emas dalam pertandingan projek penyelidikan dan pameran 16th International Salon of Invention and Innovation Technologies (ARCHIMEDES) yang diadakan di Sokolniki Exhibition Center di Moscow, Rusia.

Di samping itu juga, UMP sekali lagi turut mencipta sejarah apabila dilantik menjadi peneraju Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi (ICoE). Kepercayaan yang diberikan ini sememangnya didorong dengan rasa keyakinan tinggi terhadap keupayaan UMP dalam bidang ini pastinya, sememangnya amat membanggakan dan semestinya disambut baik oleh warga UMP yang begitu komited dalam menyebarkan ilmu yang dimiliki.

Di akhir kata, suka dinyatakan, apa jua yang dilakukan pada hari ini, akan meninggalkan kesan yang mendalam pada hari esok. Ayuh, warga UMP, marilah sama-sama berganding bahu untuk mencetuskan fenomena kecemerlangan UMP supaya UMP mampu merentasi peredaran zaman yang makin global dan pergerakan teknologi yang serba pantas. Diharapkan dengan amanat yang disampaikan pada tahun ini, dapat disematkan dalam jiwa kita agar tidak sama sekali melupakan asal usul kita dan setiap kali kita berasa di zon yang selesa, sentiasalah menoleh ke belakang agar kita tidak terpesong dari landasan yang telah digariskan.

Selamat membaca!

Abd Rahman Haji Safie



UMP peneraju Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Manipal International University (MIU) diumumkan sebagai peneraju untuk mengembangkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dalam industri bioteknologi melibatkan bidang berkaitan kejuruteraan kimia, perindustrian dan pemakanan di Malaysia.

Pelantikan ini bakal menyaksikan peningkatan pembangunan dalam modal insan, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan melibatkan universiti dan industri terutamanya dalam menyediakan peluang kerjasama menerusi inisiatif koridor ekonomi serantau terutamanya Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Iskandar Malaysia.

Majlis pelancaran pusat kecemerlangan industri bioteknologi ini disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di MIU pada 15 Mac 2013 yang lalu.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Dato' Profesor Dr. Rujhan Mustafa, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Naib Canselor MIU, Tan Sri Dato' Dr. Mohamed Salleh Yasin.

"Usaha berterusan kementerian ini akan memperkukuhkan tahap kebolehpasaran graduan melalui pendekatan kalaborasi industri dan akademia serta bakal diperluaskan dalam kluster lain termasuk pembinaan dan ICT.

"Selain itu, jaringan kerjasama

institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri ini penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih kompetitif untuk bersaing di persada antarabangsa," katanya selepas melancarkan ICoE di MIU, Kuala Lumpur.

UMP juga merupakan peneraju ICoE bagi kluster automotif dalam pembuatan acuan tepak (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura) yang dilaksanakan pihak Pusat Kecemerlangan Automotif (EAC) sejak tahun 2010.

Sehingga kini, KPT telah menubuhkan sebanyak empat buah kluster melibatkan bidang elektrik dan elektronik, automotif, pemborongan dan peruncitan serta minyak dan gas.

Dalam majlis ini, UMP turut mempamerkan hasil penyelidikan berkaitan automotif yang dilaksanakan pihak AEC dan bioteknologi yang terdapat di Makmal Berpusat UMP.



jaringan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri ini penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih kompetitif untuk bersaing di persada antarabangsa





De Kuala Cafe lambang kerjasama ECER dan UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Program Pembangunan Insan ECERDC-UMP yang memperkenalkan Program Latihan : Masakan 1 Malaysia telah berjaya merealisasikan satu kedai yang bertemakan masakan Melayu 1 Malaysia pada perasmian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Pekan Pahang pada 1 Mac 2013 yang lalu.

Kerjasama pembukaan kedai ini yang dinamakan De' Kuala Café adalah hasil kerjasama strategik antara UMP dan ECER di bawah program ECER Mahkota Kuala Pahang yang telah dirasmikan oleh Tengku Mahkota Pahang pada tahun lalu.

Kedai hasil usaha sama pihak ECERDC bersama UMP ini telah membuat pembentangan idea De' Kuala Café kepada Kementerian Luar Bandar & Wilayah dan telah mendapat lampu hijau untuk beroperasi di salah satu bangunan RTC Kuala Pahang.

RTC, Pekan Pahang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Menurut Dato' Sri Najib, pembukaan RTC keempat selepas RTC Perak, RTC Kelantan dan RTC Melaka itu juga diyakini dapat menyalurkan pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung yang akan memberi khidmat paling dekat dan terbaik kepada penduduk luar bandar dan sekitar.

Manakala menurut Nor Alisa Azam yang merupakan pemilik kedai De' Kuala Café, keyakinan beliau untuk mengikuti program kelas masakan hasil daripada bantuan UMP telah membantu beliau merealisasikan impian untuk mempunyai sebuah kedai yang menjual makanan Melayu.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak UMP dan ECER kerana telah sudi membantu menaja peralatan kedai manakala ubah suai kedai disediakan oleh Kementerian Luar Bandar & Wilayah.

"Saya juga berasa gembira dan amat terharu dengan bantuan yang diberikan di samping berjanji akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan kedai makanan itu", katanya. Nor Alisa bersama rakan-rakan adalah peserta Program Masakan 1 Malaysia di bawah kendalian UMP dengan kerjasama ECER.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa.





Anugerah Cendekia Bitara

hargai penyelidik dan pensyarah cemerlang

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibrani Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat menyampaikan anugerah kepada seramai 33 penerima di kalangan warga akademik dalam Majlis Anugerah Cendekia Bitara '12 yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 19 April 2013 yang lalu.

Anugerah Cendekia Bitara merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan dan keunggulan yang dipamerkan oleh warga UMP dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi.

Dalam majlis ini, Tengku Mahkota Pahang menyeru warga UMP memastikan penerbitan dan penyelidikan yang dihasilkan itu mempunyai impak tinggi serta boleh dimanfaatkan untuk kepentingan sejagat.

"Cabaran pemerkasaan aktiviti penyelidikan dan inovasi kini tidak semata-mata bersifat eksklusif kepada golongan akademik semata-mata, tetapi perlu turut didakap oleh golongan pentadbir dan mahasiswa."

"UMP turut memerlukan para pentadbir

berkualiti yang mampu menyulam elemen penyelidikan, kreativiti dan inovasi bagi meningkatkan keupayaan governan dan sistem penyampaian perkhidmatan universiti ini secara konsisten.

"Penggembleran kebijaksanaan golongan akademik dan pentadbir, yang disertakan pula dengan keserjanaan mahasiswanya akan menzahirkan jenama UMP yang terbilang lagi bitara," titah baginda.

Baginda mengharapkan agar penyelidikan yang dihasilkan mengambil kira isu, keperluan dan permasalahan masyarakat setempat serta menyaranakan supaya para penyelidik menghasilkan produk ilmiah yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan masyarakat.

Kedadaan ini menggambarkan realiti hubungan positif tiga entiti yang saling berkaitan iaitu, Kerajaan, Universiti dan masyarakat. Maka pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan perlu turut mengambil kira sisi hubungan ketiga-tiga entiti ini yang bersifat komplementari antara satu sama lain.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Pelan Strategik UMP 2011-2015 juga memberi tumpuan

besar terhadap agenda memperkasa aras pencapaian universiti ini dalam lapangan penyelidikan, kreativiti dan inovasi.

Kriteria utama kecemerlangan jenama UMP antaranya adalah perolehan geran dalaman dan antarabangsa; pameran; persidangan; prapengkomersilan; penyelidikan kontrak; kerjasama industri; pendaftaran harta intelek dan penerbitan," katanya.

Menurut beliau sepanjang tahun lalu, universiti menerima geran penyelidikan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM 14.462 juta bagi 234 projek penyelidikan. Angka ini merupakan peningkatan sebanyak 87.2 peratus berbanding hanya 125 projek pada tahun 2011. Begitu juga dengan nilai pembiayaan telah meningkat sebanyak 156.8 peratus berbanding hanya RM 5.63 juta pada tahun 2011.

Dari sudut penerbitan ilmiah pula, sehingga kini sebanyak 1,211 penerbitan ilmiah telah dihasilkan yang meliputi kertas persidangan, artikel penyelidikan dan artikel berwasit.

Katanya, UMP berbangga apabila Profesor Madya Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya



menghasilkan jurnal dengan faktor impak 31.677. Begitu juga dengan jurnal *International Journal of Atomotive and Mechanical Engineering (IJAME)* berjaya diindeks dalam pengkalan data tersohor dunia iaitu Scopus dan Elsevier pada awal tahun ini.

Majlis menyaksikan seramai tujuh orang diumumkan penerima Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori produk penyelidikan. Mereka adalah Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Ir Zulkeflee Khalidin dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Profesor Madya Dr. Arun Gupta dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Jolius Gimbut (FKKSA), Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan (FKKSA), Ahmad Basirul Subha Alias (FKM) dan Dr. Fathima Shahita dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI). Pemenang membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak RM5,000.

Bagi kategori penerbitan jurnal, seramai 21 orang berjaya menghasilkan jurnal yang berimpak tinggi. Antaranya ialah pensyarah FKKSA, Mior Ahmad Khushairi Mohd. Zahari yang menghasilkan jurnal dengan impak faktor 4.98 dan Profesor Madya Dr. Zularisam

Ab. Wahid (FKASA) dengan nilai impak faktor 4.05.

Menurut Profesor Madya Dr. Zularisam penyelidikan bertajuk *UMP CaO: Pome (palm oil mill effluent) for Energy* menghasilkan teknologi tenaga boleh diperbaharui atau gas metana melalui proses pembiorosotan (*degradation*) secara biologi oleh bakteria pengeluar metana ke atas sisa buangan kilang sawit iaitu POME.

“Teknologi ini mampu menjana pengeluaran gas metana sehingga lapan kali ganda berbanding kaedah konvensional dan penurunan bebanan COD POME sehingga dua kali ganda lebih baik.

“Malah, tempoh rawatan di antara satu hingga dua bulan boleh diatasi dan dikurangkan kepada empat hingga tujuh hari sahaja,” katanya yang menjalankan penyelidikan melibatkan penyelidik Engr. Syukur Abd. Razak dan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abd. Munaim.

Dalam majlis ini juga, UMP turut memberi pengiktirafan di kalangan pensyarah yang banyak memberi sumbangan terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam Anugerah Akademik Universiti yang terdiri

daripada Anugerah Pengajaran Cemerlang (APC) dan Anugerah Inovasi.

Bagi APC kategori kejuruteraan dinobatkan kepada, pensyarah FKASA, Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple dan kategori Sains Gunaan dimenangi pensyarah FSKKP, Dr. Azhar Kamaludin.

Dua pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ahmad Irfan Ikmal Hisham pula membolot dua kategori iaitu Sastera dan Sains Sosial serta Anugerah Inovasi bagi e-Pembelajaran manakala Marziah Ramli menang Anugerah Inovasi: Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Pemenang APC membawa pulang wang tunai lima ribu ringgit, sijil penghargaan dan trofi manakala Anugerah Inovasi menerima sebanyak tiga ribu ringgit berserta sijil dan trofi.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato’ Mohd. Hilmey Mohd. Taib, ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) merangkap pengerusi Malam Anugerah Cendekia Bitara, Profesor Dr. Mashitah Md. Yusoff.

Kembali kepada asas - NC



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2013 pada 20 Februari 2013 yang lalu dengan menyeru seluruh warga UMP untuk terus mencipta kejayaan dan kembali menziarahi semula (*revisit*) asas dalam fasa pelaksanaan strategi untuk terus mencapai kecemerlangan.

Menurut Dato' Dr. Daing, UMP kini telah menikmati kedudukan serta pencapaian yang jauh lebih baik berbanding lima tahun yang lalu.

"Kembali kepada asas memerlukan kita meneliti kembali kapasiti, peranan dan sumbangan insan dalam organisasi. Setiap warga UMP haruslah terdiri daripada individu yang mampu menyumbang secara produktif melalui bakat, ilmu pengetahuan, kemahiran dan tabiat kerja yang baik.

"UMP akan terus berusaha meningkatkan jumlah staf akademik yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD). Kini, seramai 202 orang atau 35 peratus daripada keseluruhan 581 pensyarah memiliki kelayakan PhD berbanding hanya 16 peratus pada tahun 2009. Jumlah enrolmen pelajar pra-siswazah dan pascasiswazah juga terus menunjukkan

peningkatan setiap tahun.

"Lebih membanggakan, UMP menjadi pilihan calon terbaik daripada matrikulasi dan STPM sehingga 62 peratus daripadanya adalah di kalangan pelajar yang mempunyai CGPA 3.0 ke atas dalam pengambilan pelajar Sarjana Muda 2012/2013 yang lalu hasil daripada strategi dan inisiatif yang telah digerakkan," katanya yang menyampaikan ucapan amanatnya di Dewan Kompleks Sukan UMP, Gambang.

Pada hari ini, UMP dihuni seramai 7,474 pelajar prasiswazah dan 746 pelajar pascasiswazah yang mengikuti 113 program pengajian berbanding 54 program pengajian pada tahun 2004.

Dato' Dr. Daing Nasir juga menghargai semua pemegang taruh, rakan kongsi dan pihak luar yang memberi kepercayaan kepada UMP dalam menjalankan hubungan kerjasama serta segala usaha gigih yang disumbangkan semua warga kerja dan mahasiswa UMP dalam meningkatkan pencapaian universiti ke tahap yang lebih tinggi.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, sumber manusia adalah kunci kepada keteguhan asas dan aset yang bernilai tinggi sebagai modal insan yang mampu menyumbang

kepada kapasiti produktif organisasi.

Justeru, katanya setiap staf UMP sama ada akademik, pengurusan dan profesional mahu pun sokongan, adalah di kalangan mereka yang terbaik dari segi kelayakan akademik mahupun pengalaman.

"Proses pemilihan di UMP harus dipertingkatkan keberkesanannya supaya kita mampu mencungkil bakat serta mendalami nilai dan budaya kerja seseorang pemohon," ujar beliau.

Beliau turut menyarankan supaya proses pengambilan staf di ketiga-tiga kategori iaitu akademik, pengurusan dan profesional dan sokongan perlu dikaji semula supaya lebih teliti (*rigorous*) serta mampu menapis yang terbaik sahaja.

Dato' Dr. Daing berkata, mereka yang dipertanggungjawabkan mengurus modal insan harus memahami bahawa sumber manusia universiti boleh dirujuk dan diurus secara lima peringkat warga kerja iaitu pertamanya sumber manusia UMP harus terdiri daripada individu berkeupayaan dan berkualiti tinggi yang mana setiap warganya haruslah terdiri daripada individu yang mampu menyumbang secara produktif melalui bakat, ilmu pengetahuan, kemahiran dan tabiat kerja yang baik.

sumber manusia adalah kunci kepada keteguhan asas dan aset yang bernilai tinggi sebagai modal insan yang mampu menyumbang kepada kapasiti produktif organisasi.



“Keduanya, sumber manusia sebagai ahli kumpulan yang menyumbang keupayaannya untuk mencapai objektif dan matlamat pasukan.

“Ketiganya adalah pengurus kompeten yang berupaya mengelola manusia dan sumber dengan cekap dan berkesan ke arah pencapaian objektif yang telah ditentukan. Dalam kalangan warga UMP yang kompeten dan penyumbang yang berkesan di dalam pasukan, harus pula muncul mereka yang berbakat untuk mentadbir dan mengurus.

“Keempat, UMP juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang efektif bagi mengupayakan komitmen dan usaha yang

dijajarkan dengan wawasan yang ampuh dan jelas serta merangsang aras prestasi yang lebih tinggi. Manakala kelima, adalah golongan individu yang disebut sebagai Eksekutif Paras 5 yang membangunkan kecemerlangan organisasi yang lestari,” katanya.

Dato’ Dr. Daing Nasir juga yakin UMP akan mendapat autonomi suatu masa nanti. Autonomi ini akan disusuli dengan tanggungjawab yang amat berat, dan setiap warga perlu memikul tanggungjawab ini dengan terbaik.

Sementara itu, bersesuaian dengan Tahun Kesukarelawan Nasional 2013, UMP akan terus memacu agenda kesukarelawan di kalangan

pelajar, malah peranan persatuan, koperasi dan syarikat milik UMP harus dipertingkatkan lagi dari segi sumbangan kepada kecemerlangan UMP serta mempergiatkan Kempen Kewujudan UMP Disedari, Suara UMP Didengari untuk penjenamaan yang lestari.

Lebih 5,000 di kalangan pelajar dan staf UMP hadir memeriahkan majlis. Turut sama hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dato’ Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pentadbiran), Profesor Dr. Zahari Taha.

UMP juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang efektif bagi mengupayakan komitmen dan usaha yang diijarkan dengan wawasan yang ampuh dan jelas serta merangsang aras prestasi yang lebih tinggi.



Menteri Mentor UMP serah BB1M



Seramai 8,531 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) ternyata gembira apabila menerima Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) sebaik sahaja melangkah ke semester dua pengajian 2012/2013 yang bermula 18 Februari 2013 yang lalu.

Lebih bermakna majlis penyerahan disampaikan sendiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob selaku Menteri Mentor UMP.

Menurut Dato' Sri Ismail Sabri, nilai BB1M yang diterima pelajar kali ini juga ditingkatkan kepada RM250 berbanding RM200 sebelum ini membuktikan keprihatinan kerajaan kepada kebajikan dan kesejahteraan warga mahasiswa melalui Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak.

"Hakikat ini merupakan antara nikmat kemakmuran dan kesejahteraan negara yang diterima hasil kebijaksanaan kerajaan," katanya dalam Majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP. Beliau turut menasihatkan pelajar menggunakan kemudahan baucar ini dengan bijak bagi manfaat kepada diri sendiri dengan membeli buku dan kelengkapan pengajian di kedai buku dan kedai koperasi universiti.

Malah katanya, kerajaan telah menanggung 90 peratus daripada perbelanjaan pengajian dan hanya sepuluh peratus ditanggung pelajar yang rata-ratanya mendapat pembiayaan pinjaman Perbadanan

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Namun, sekiranya pelajar mencatat keputusan cemerlang ianya boleh ditukar kepada biasiswa

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, inisiatif pengagihan ini hendaklah disyukuri dan dihargai kerana manfaatnya yang tidak sedikit dalam meringankan beban warga mahasiswa.

"Dengan enrolmen semasa, seramai 7,812 pelajar di peringkat prasiswazah dan 719 pelajar di peringkat pascasiswazah yang mengikuti 113 program pengajian di lapan buah fakulti sedia ada memberikan cabaran bagi UMP dalam menguruskan kepelbagaian latar belakang pelajar termasuklah memahami jurang sosioekonomi dan aras keupayaan kewangan mereka."

"Selain perbelanjaan makan minum dan keperluan diri, kos sara hidup warga mahasiswa turut meliputi pembelian buku-buku teks dan rujukan yang amat penting untuk membolehkan mereka mengikuti pengajian dengan berkesan dan sempurna," katanya yang turut menyatakan terdapat segelintir mahasiswa, khususnya yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah menghadapi masalah berkaitan pembelian buku-buku ini setiap kali bermulanya semester baharu.

Kata Dr. Daing Nasir, pengagihan BB1M ternyata benar-benar membantu meringankan beban para mahasiswa yang rata-ratanya bergantung kepada wang pinjaman pengajian daripada PTPTN dan penaja lain bagi

menguruskan keperluan kewangan mereka sepanjang semester ini.

Majlis menyaksikan pengagihan BB1M kepada lima buah fakulti yang terdapat di UMP Kampus Gambang iaitu Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Sains & Teknologi Industri serta Fakulti Teknologi. Manakala bakinya iaitu pelajar daripada tiga buah fakulti iaitu Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Pembuatan akan menerimanya pada 21 Februari 2013 yang lalu di UMP kampus Pekan.

Dalam majlis yang sama, Dato' Ismail Sabri turut menyerahkan geran Gerakan Pengguna Siswa (GPS) berjumlah RM3,000 kepada empat IPT iaitu GPS UMP, GPS Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, GPS Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan GPS UiTM sebagai peneraju dan bergerak secara aktif dalam menyebarkan ilmu-ilmu kepenggunaan.

Hadir sama dalam majlis, Ahli Parlimen Paya Besar, Dato Haji Abdul Manan Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Mohd. Shohaimi Jusoh, Pengarah KPDNKK, Mohd. A. Aruwan Abd. Aziz, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengerusi Kelab GPS UMP, Qamaruddin Mohd. Fauzi dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, Abdul Na'em Suhaimi.



Warga UMP sumbang 12 ribu bantu dana Tabung Palestin-Gaza

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyerahkan replika cek bernilai 12 ribu ringgit sempena Majlis Pelancaran dan Penyerahan Dana Tabung Palestin-Gaza.

Program yang disempurnakan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia (KDYTM) Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Hajj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah itu diadakan di Hotel MS Garden Kuantan pada 29 Januari 2013 yang lalu.

Menurut Dato' Dr. Daing, UMP menyumbang sebanyak 10 ribu ringgit, dua ribu lagi adalah hasil sumbangan Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang turut menyumbang sebanyak seribu ringgit bagi setiap persatuan.

"Sumbangan ini adalah ketulusan warga UMP dalam usaha membantu rakyat Palestin

di Gaza," katanya yang hadir bersama-sama lebih 70 penyumbang lain bagi menyerahkan sumbangan kepada pihak Pertubuhan Himpuan Lapan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) dan Perdana Global Peace Foundation (PGPF).

Dalam majlis itu turut menyaksikan kutipan daripada pihak agensi kerajaan, pihak swasta, individu serta pihak badan kerajaan (NGO) dari seluruh negeri Pahang yang berjaya dikumpul mencecah 1 juta ringgit manakala sumbangan orang ramai melalui tabung-tabung masjid berjaya dikutip sebanyak RM117,118.

KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah, dalam titah ucapan merakamkan penghargaan dan bangganya atas usaha murni semua pihak termasuk NGO yang terlibat membantu Palestin khususnya pihak

HALUAN Malaysia, PGPF dan Aman Palestin.

Baginda berharap usaha mengutip sumbangan untuk mengisi Tabung Palestin-Gaza dapat digerakkan juga pada peringkat daerah-daerah di negeri Pahang agar keprihatinan masyarakat kepada Gaza Palestin sentiasa berterusan.

Sumbangan dijangka akan disalurkan kepada rakyat Palestin melalui kerjasama dengan al-Sarraa Foundation, sebuah NGO di Gaza bagi membiayai beberapa projek jangka pendek dan jangka panjang termasuklah Pusat Rawatan Kanser al-Huda, Hospital Besar Malaysia-Indonesia di Bandar Gaza, Pusat Tahfiz al-Quran di kem pelarian dan pembinaan sebuah sekolah rendah syariah di Deir Al Balah.

Majlis turut dipertontonkan tayangan klip video oleh PGPF serta persembahan flash mob, pentomen dan dendangan nasyid Palestina Tercinta oleh ahli-ahli Kelab Siswa HALUAN serta pameran Palestin yang memaparkan penderitaan rakyat Palestin serta projek-projek bantuan untuk rakyat Palestin.

Hadir dalam majlis, Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Adnan Yaakob, Penasihat PGPF, Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Presiden HALUAN, Dr Abdullah Sudin Ab. Rahman, Timbalan Presiden HALUAN, Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin dan Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail.

Menteri KPT galak mahasiswa sertai program khidmat masyarakat



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menggalakkan golongan mahasiswa menyertai program khidmat masyarakat terutama dalam membantu mereka yang menghadapi musibah.

"Program-program seumpama ini boleh membentuk sahsiah diri pelajar yang menyertainya. Namun demikian, mahasiswa perlu bijak dan matang dalam membuat keputusan berhubung kegiatan luar yang ingin disertai," katanya dalam majlis penyampaian sumbangan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Galing Besar, Kuantan pada 10 Januari 2013 yang lalu.

Dalam program ini, Dato' Seri Mohamed Khaled hadir menyampaikan bantuan wang tunai RM100 dan barangan keperluan dapur sumbangan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Badan Kebajikan & Sukan Staf UMP (BKSS) UMP kepada 164 mangsa banjir di Kampung Galing Besar, Kuantan.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini bertujuan membantu meringankan mangsa banjir dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seharian selepas ditimpa bencana banjir berkenaan.

Beliau berbangga dengan inisiatif mahasiswa dan warga UMP yang hadir membantu masyarakat setempat yang mengalami musibah.

"Walaupun kini merupakan musim peperiksaan namun tidak menghalang seramai 75 orang pelajar UMP untuk melaksanakan gotong-royong untuk mengecat masjid yang turut ditenggelami banjir," katanya.

Menurut beliau, peranan universiti itu tidak boleh dasingkan dengan masyarakat dan masyarakat juga tidak perlu segan dengan universiti.

Katanya lagi, jika dahulu universiti sebagai tempat untuk menara gading tetapi hari ini juga selain berperanan melahirkan tenaga insan terpelajar, mereka juga turut berkongsi ilmu dengan masyarakat setempat.

Selain itu, program sebegini dapat menggalakkan pelajarannya terlibat dalam khidmat masyarakat agar dapat mendekatkan proses pembelajaran dan pengajaran.

Beliau turut mengumumkan bahawa pihak KPT bersetuju untuk menyumbangkan RM 10,000 kepada tabung surau Kampung Galing Besar bagi membaik pulih dan membeli keperluan surau yang telah rosak.

Beliau juga turut meluangkan masa melawat rumah-rumah mangsa sekitar kampung.

Dalam majlis ini juga, Dato' Seri Mohamed Khaled bersama 75 mahasiswa UMP bergotong-royong membersihkan dan mengecat Surau Haji Jaafar di kampung itu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Turut mengiringi beliau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Dato' Chang Hong Seong, Pemangku Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Abdul Na'em Suhaime.

Menurut salah seorang penduduk kampung Normah Kassim, 52, beliau amat bersyukur dan terharu dengan sumbangan yang diberikan.

Katanya, walaupun kesedihan mengenangkan banyak harta benda yang rosak akibat dari banjir itu namun terubat dengan kehadiran warga UMP yang datang membantu meringankan bebanan di samping membaik pulih keadaan surau kami.

Dalam majlis ini juga, Dato' Seri Mohamed Khaled bersama 75 mahasiswa UMP bergotong-royong membersihkan dan mengecat Surau Haji Jaafar di kampung itu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Majlis turut menyaksikan Pengerusi BKSS, Mohd. Raizalhilmly Mohd. Rais menyampaikan sumbangan kelengkapan surau termasuk sejadah, kain telekung dan Surah Yasin untuk kegunaan jemaah surau hasil sumbangan BKSS dan Persatuan Matahari.

Lebih 500 penduduk kampung hadir dalam majlis yang berakhir dengan jamuan makan tengah hari bersama penduduk setempat.



1,000 anak pokok ditanam sempena Hari Hutan Antarabangsa

Sebanyak 1,000 anak pokok ditanam sekitar kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan bersempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 bertemakan 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang menyaksikan negeri Pahang sebagai tuan rumah pengajaran dan pemilihan UMP sebagai lokasi majlis berlangsung meriah.

Majlis dirasmikan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob.

Di antara spesies pokok bersesuaian dengan keadaan jenis kawasan tanah gambut yang ditebusguna ini adalah dari jenis Merawan Siput Jantan, Bintangor Laut, Kelat Jambu Laut, Kelat Merah, Bunga Tanjung, Beruas Penaga Lilin, Kasai, Asoka dan Sentol bagi mewujudkan suasana kehijauan di kawasan kampus.

Usaha melibatkan seramai 1,000 mahasiswa UMP ini berjaya menyokong usaha kerajaan dalam menjayakan program 'Kempen Menanam 26 juta pokok' yang bertemakan 'Hijaukan Bumi: Satu Warga Satu Pokok'. Menariknya setiap pokok yang ditanam akan diberikan label nama pelajar mengikut pemilik pokok tersebut.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Profesor Dr. Haji Abd. Rahman Haji Abd. Rahim, berkata, Sambutan Hutan Antarabangsa pada tahun ini lebih bermakna apabila buat pertama kalinya ianya disambut

serentak pada tarikh 21 Mac di seluruh dunia selaras dengan resolusi yang dibuat dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-67 pada tahun lalu.

"Pemilihan lokasi di UMP sebagai tapak sambutan tahun ini memberi peluang kepada mahasiswa UMP untuk bersama-sama menanam pokok bagi mewujudkan kesedaran dan semangat kecintaan terhadap hutan yang diharapkan dapat diperluas dengan inisiatif masing-masing di lain-lain kawasan," katanya dalam menyampaikan ucapan di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar UMP Kampus Pekan pada 21 Mac 2013 yang lalu.

Katanya, sambutan ini merupakan satu petanda aras kepada usaha-usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan hutan kepada komuniti masyarakat di antaranya berkaitan air, oksigen, makanan, kayu-kayuan, pokok hutan, rekreasi dan lain-lain.

Menurut beliau, masyarakat Malaysia seharusnya bersyukur kerana negara masih dapat mengekalkan sejumlah 56.4 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan seiring dengan kepesatan pembangunan negara memandangkan dunia menetapkan kadar 50 peratus daripada keluasan tanah negara perlu diliputi pokok



dan kawasan berhutan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik yang membacakan teks ucapan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Douglas Unggah Embas berkata, antara projek-projek strategik yang dilaksanakan di negeri Pahang ini termasuklah Pelan Bersepadu Hutan Paya Gambut, Projek Manara Mengawak Kebakaran di kawasan Penor dan Tasik Bera, projek penanaman pokok bakau di pesisiran pantai dan projek perintis Central Forest Spine (CFS) di Temerloh.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Haji Mohd. Kamaruzaman.



40 ribu pengunjung banjiri Jom Masuk U Zon 7

Hampir 40 ribu pengunjung di kalangan pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat membanjiri Sultan Ahmad Shah International Convention Center (SASICC) Kuantan pada 16 hingga 17 Mac 2013 yang lalu bagi mendapatkan manfaat dan informasi terkini berkaitan permohonan masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT), Politeknik dan Kolej Komuniti, maklumat akreditasi serta bentuk pembiayaan permohonan pelajar bersempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 2013 (KPTN), Jom Masuk U Zon 7.

Antara yang menarik adalah pameran 1Dream2U, kuiz, aplikasi dalam talian, seminar sehari peluang pengajian tinggi dan peluang berkunjung menyaksikan 150 ruang pameran dari seluruh institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk agensi berkaitan pendidikan yang dibuka khas bermula mulai jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran program KPTN bagi tahun ini melibatkan 11 zon mengikut lokasi yang ditetapkan seluruh negara dan sekali lagi Pahang dipilih menjadi tuan rumah serta UMP menjadi urus setia bersama

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Katanya, mulai kemasukan pelajar sesi akademik 2013/2014, UMP akan menawarkan dua program baharu iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) dengan Kepujian di bawah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dengan kerjasama Institut Technology Tallaght, Republic of Ireland.

"Satu lagi adalah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) dengan Kepujian di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan kerjasama University of Southern Queensland, Australia," katanya dalam sidang media yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dato' Dr. Rujhan Mustafa.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Mejar (K) Haji Md. Nor Yusof dan Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim.

Katanya, sehingga kini terdapat 32 program akan ditawarkan oleh UMP bagi pengambilan pelajar di peringkat prasiswazah

sesi akademik ini iaitu 27 daripadanya adalah program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan lima program di peringkat Diploma.

Tambah beliau, UMP bakal menawarkan program yang merupakan satu-satunya bidang yang masih baharu untuk memenuhi keperluan negara, iaitu program Dwi-Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan (Business Engineering) hasil kerjasama UMP dengan Reutlingen University, (RU) Jerman yang bakal ditawarkan pada tahun hadapan.

Dato' Dr. Daing turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian peratusan kebolehpasaran graduan UMP pada tahun lalu yang mencatatkan pencapaian 79 peratus dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat.

karnival ini dapat membantu pelajar memperoleh sumber yang lebih tepat dan memudahkannya memilih program yang bersesuaian untuk meneruskan pengajian

Dalam pada itu, Profesor Dato' Dr. Rujhan Mustafa turut memaklumkan KPT telah mengadakan perbincangan dengan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi cadangan mewujudkan sistem pengesanan graduan yang mampu mengesan jenis pekerjaan dan gaji yang diperolehi bagi graduan selepas melangkah ke alam pekerjaan.

"Malahan, pada masa ini KPT mensasarkan pencapaian 75 peratus graduan mendapat pekerjaan yang direkod bagi tempoh enam bulan selepas bergraduat," katanya.

Sementara itu, pengunjung yang hadir, Nur Ameera Muslim, 17 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Mahkota Kuantan berpendapat karnival ini dapat membantu pelajar memperoleh sumber yang lebih tepat dan memudahkannya memilih program yang bersesuaian untuk meneruskan pengajian.

Begitu juga bagi Aslah Mohd Shaini, 18 dari Pekan yang menyokong penganjuran karnival yang bukan sahaja berkonsepkan ilmu pengetahuan malah kepelbagaian aktiviti termasuk memenangi pelbagai hadiah dan cenderamata.





Azwan harumkan nama UMP rangkul Ikon Varsiti BH



Azwan Affandi Md. Jahaya, 21 yang merupakan pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), berjaya dinobatkan Ikon Varsiti 2012 anjuran akhbar Berita Harian dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dalam Majlis Penyampaian Anugerah Ikon Varsiti BH yang diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 25 Januari 2013 yang lalu.

Azwan Affandi yang menang kategori individu keusahawanan membawa pulang wang tunai RM2,000 dan trofi setelah berjaya mengalahkan dua calon lain iaitu Nor Suriani Azhar dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSza) dan Azizul Ridhuan Wahid dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, Perlis.

Kejayaan adalah hasil kecemerlangannya dalam mengusahakan syarikat Azwan Dot Com Enterprise yang memasarkan produk aksesori telekomunikasi, alatan IT dan percetakan di UMP serta 84 kolej komuniti di Malaysia.

Selain itu, kejayaan turut diraih tujuh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive yang terdiri daripada Nur Rahimah Mohd Sofyan, Nurul Farhana Abu Kasim, Nor Atikah Salleh, Mohamad Saidi Ismail, Nor Zaratunaimah Kolan, Ahmad Arif Fauzi, Mohd Jamil Mohd Jaafar dan Haffizothul Ommi Aziz yang dinobatkan

antara tiga kumpulan terbaik bagi kategori Projek Khidmat Sosial (CSR) dalam negara.

Anugerah kumpulan ini dimenangi pasukan Students in Free Enterprise Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Industrial Technology (SIFE UniKL Micet) manakala satu lagi kumpulan yang bersaing dalam kategori yang sama adalah pasukan Preparatory Program dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang hadir mewakili Naib Canselor UMP berkata, kejayaan pelajar ini membanggakan universiti dan diharapkan dapat memberi suntikan semangat kepada pelajar lain.

"Pelajar UMP harus teruskan usaha untuk mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang yang diceburi termasuk sumbangan terhadap khidmat masyarakat dalam dan luar negara," katanya yang percaya pelajar UMP memiliki bakat dan kepimpinan yang boleh dinobatkan sebagai ikon untuk dicontohi pelajar lain pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Jamil Mohd Jaafar berkata, pasukan In-Smartive dipilih berdasarkan komitmen dan sumbangan pasukan ini

dalam menjalankan program motivasi dan pelaksanaan program Projek Kilauan Mutiara, Teach Malaysia Teach (TMT) yang dijalankan di sekolah sekitar Pahang.

"Kejayaan dipilih tiga kumpulan terbaik ini memberikan pasukannya lebih bersemangat untuk meneruskan sumbangan terhadap khidmat komuniti dan program kesukarelawanan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berbangga dengan mendapat sokongan padu daripada pihak universiti terutamanya Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang hadir meraikan kejayaan mereka.

Anugerah Ikon Varsiti anjuran Berita Harian yang buat julung kalinya diadakan ini mempertandingkan 14 kategori membabitkan penyertaan secara individu dan berkumpulan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk Kolej Profesional MARA, Institut Kemahiran, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Hadir dalam majlis Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, Timbalan Pengarah Kumpulan BH, Mahfar Ali dan Pengarang Pendidikan BH, Muhd. Yusof Abu Bakar.



Kefahaman Sains dan Teknologi terhadap pembangunan industri kimia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan program Majlis Syarahan Umum Profesor yang merupakan medan perkongsian kepakaran dan pencerahan kepada masyarakat dengan membincangkan tajuk 'Integriti, Sains dan Persepsi: Pengajaran daripada isu LYNAS yang menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Malaysia.

Namun, di sebalik kontroversi yang ditimbulkan, terbit minat di kalangan masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam perihal nadir bumi sama ada dari segi sifat saintifiknya, kaedah pemrosesan serta impak industri ini terhadap ekonomi dan alam sekitar.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Ir. Dr. Jailani Salihon berkata, siri syarahan kali ini bertepatan dengan isu semasa terutamanya dalam memberi pemahaman dari kaca mata akademik mengaitkan isu kesihatan, alam sekitar dan keselamatan yang bukan sahaja mendapat perhatian dalam negara malahan di peringkat antarabangsa.

"Syarahan ini bertujuan menerangkan tentang permasalahan yang dihadapi dalam pelaburan projek-projek industri kimia yang berhadapan dengan persepsi masyarakat dengan menampilkan Profesor Dato' Ir Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang merupakan seorang yang berpengalaman luas untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran bagi memberi pencerahan dari perspektif ilmiah dan situasi sebenar yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat dan orang ramai," katanya semasa menyampaikan pengenalan penceramah sempena Majlis Syarahan Umum Profesor di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 20 Mac 2013 yang lalu.

Profesor Dato' Ir Dr. Badhrulhisham yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Profesor di FKKSA berkata, seiring dengan perkembangan Malaysia menjadi sebuah negara maju, banyak pelaburan projek mega dalam

negara yang dijadikan isu perdebatan akibat kebimbangan orang ramai terhadap isu berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran seperti Lynas Advanced Material Plant (L.A.M.P) dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.

"Dalam menghadapi cabaran ini, adalah penting agar semua pihak seperti kerajaan, industri, pembuat keputusan, orang awam dan lain-lain pihak membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat termasuk fakta saintifik serta menangani isu integriti, sains dan persepsi," katanya yang turut dilantik sebagai Jawatankuasa Kerja Nadir Bumi, Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penyelidikan Nadir Bumi UMP.

Bercakap mengenai kilang LYNAS, beliau berkata, semua operasi kilang seperti juga lain-lain perkara mempunyai risikonya. Malah, persoalannya adakah risiko itu boleh diurus atau diminimalkan dengan tidak membahayakan keselamatan dan kesihatan orang ramai serta alam sekitar.

"Kilang LYNAS adalah kilang kimia yang menghasilkan logam nadir bumi melalui proses-proses fizikal dan kimia seperti proses pemisahan. Ianya bukan kilang nuklear."

"Malah, ianya boleh dikategorikan sebagai kilang yang risikonya rendah dengan syarat semua langkah-langkah keselamatan, pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan dengan baik," katanya.

Beliau yang mempunyai banyak pengalaman industri seperti di syarikat Cabot Corporation dan SKS Refinery Sdn. Bhd. (syarikat milik Tan Sri Mokhtar Bukhary dan National Iranian Oil Company) berkata, dalam usaha membina kilang segala keputusan membuat pelaburan di sesebuah lokasi itu bergantung kepada banyak faktor, antaranya tawaran pelaburan yang menarik dan lokasi yang strategik.

Beliau turut mendedahkan kepada umum

tentang isu yang dikaitkan dengan Projek Nadir Bumi Asia (ARE) yang menghasilkan produk yang hampir sama tetapi bermula dengan bahan mentah yang berlainan iaitu ARE menggunakan 'tin tailing' atau bahan buangan sisa bijih manakala LYNAS menggunakan tanah dari lombong (*rare earth concentrate*) yang diproses dari bijih Mount Weld Australia.

"Kadar bahan radioaktif yang digunakan di ARE juga adalah jauh lebih tinggi dari LYNAS yang menyebabkan 'residue' atau sisanya mengandungi kandungan uranium dan thorium yang tinggi.

"Begitu juga dengan kandungan radioaktif dalam sisa ARE di Bukit Merah adalah 60 kali lebih tinggi dari LYNAS. Dedahan radiasi oleh kilang Lynas pada orang awam adalah 0.02mSv sedangkan Undang-undang Malaysia dan Antarabangsa berhubung dengan dedahan radiasi kepada manusia adalah tidak melebihi 1.0 mSv/setahun bagi orang awam," katanya.

Tambah beliau, UMP mempunyai penyelidik yang telah menghasilkan jurnal penerbitan berkaitan kajian penyelidikan mengenai nadir bumi ini dan pada masa ini usaha juga sedang giat dijalankan bagi menubuhkan pusat penyelidikan berkaitan nadir bumi ini melibatkan kerjasama tenaga pakar dari Jerman dan China.

Seramai lebih lima ratus peserta di kalangan ahli akademik, wakil IPT, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, industri dan orang awam hadir bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran mengenai isu ini.

Antaranya termasuklah dari Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Jabatan Alam Sekitar, ASM, Felda dan Suruhanjaya Tenaga.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Zarina Ismail dan ADUN Triang, Leong Ngah Ngah.

Syarahan umum antarabangsa bincang kejuruteraan perniagaan



Dalam meningkatkan pengetahuan mengenai bidang kejuruteraan perniagaan di Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah universiti berteraskan teknologi menganjurkan syarahan umum antarabangsa bertajuk *"The Convergence: Business Engineering"* yang disampaikan Presiden Reutlingen University (RU), Profesor Dr. Hendrik Brumme.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, program syarahan umum ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil UMP bagi mempelbagaikan program akademik dengan memasukkan elemen perniagaan dan teknikal yang relevan bagi menyokong program yang berteraskan kejuruteraan.

"Hasil perbincangan dengan industri menunjukkan keperluan yang semakin meningkat bagi jurutera untuk memahami realiti dan pelbagai elemen menjalankan perniagaan yang berjaya.

"Malahan, wujud keperluan yang semakin meningkat bagi eksekutif perniagaan untuk mampu memahami faktor-faktor yang

mempengaruhi reka bentuk dan ciptaan yang berjaya," katanya ketika berucap di majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Za'ba Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya pada 21 Februari 2013 yang lalu.

Tambah beliau lagi, universiti berperanan untuk melihat kepada keperluan industri bagi menyediakan bakal jurutera yang berpengetahuan dalam kedua-dua bidang bidang perniagaan dan kejuruteraan.

Bersempena dengan syarahan itu juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang akademik dan penyelidikan termasuk penawaran Program Ijazah Dwi Kejuruteraan Perniagaan antara UMP dengan RU.

UMP diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz manakala mewakili Reutlingen University (RU), Presidennya, Profesor Dr. Hendrik Brumme dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Dr. Baldur Veit. Majlis disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi,

Dato' Ab Rahim Mohd Nor dan Duta Jerman di Malaysia, Dr. Gunther Gruber.

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim berkata, program ini adalah unik dan berbeza daripada program kejuruteraan konvensional yang berasaskan sains di mana ianya memberi penekanan terhadap pengurusan perniagaan dan pengetahuan kejuruteraan.

"Pelajar yang mendaftar dalam program ini di UMP akan mempunyai pilihan untuk belajar selama tiga semester di Reutlingen universiti di Jerman, manakala pelajar-pelajar universiti dari Reutlingen akan mempunyai pilihan untuk belajar selama empat semester di UMP," katanya.

Lebih 400 orang di kalangan industri, ahli akademik, wakil IPT, agensi kerajaan dan mahasiswa universiti hadir untuk berkongsi pengalaman dalam program ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dato' Dr. Rujhan Mustafa dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.



UMP anjur Wacana Ilmu Profesor Bersama Masyarakat

Profesor merupakan golongan profesional dan intelektual yang memiliki ketajaman pemikiran, inovasi serta kepakaran dalam pelbagai bidang. Sumbangan dan cetusan idea golongan ini diperlukan dalam merealisasikan aspirasi negara menjadi sebuah negara maju.

Justeru, dalam membudayakan perkongsian ilmu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Majlis Profesor Bersama Masyarakat dengan menampilkan tokoh akademik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dato' Dr. Sidek Baba dalam membicarakan tajuk 'Melayu Sepakat Islam Berdaulat'.

Dalam majlis ini, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham bertindak sebagai moderator sepanjang program yang disertai lebih 500 tetamu yang terdiri daripada guru-guru, pengetua dan warga UMP di Dewan Astaka UMP Gambang pada 15 April 2013 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Sidek dalam bicaranya berkata, tradisi muafakat sudah menjadi amalan masyarakat Melayu dalam menjalankan hubungan baik antara satu dengan lain, begitu juga sikap tolong-menolong dan bergotong-royong yang perlu dikekalkan dalam mewujudkan perpaduan di negara ini.

"Malah, orang Melayu ini adalah sebagai kelompok yang boleh menjadi contoh kepada masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum tanpa menafikan peranan kaum lain untuk kemakmuran sejagat.

"Dalam konteks kerajaan di Malaysia, kita perlu berbangga dengan kepercayaan dan penerimaan masyarakat termasuk yang bukan Islam terhadap pelaksanaan kaedah patuh syariah sama ada melibatkan perniagaan, perbankan Islam dan pelaburan yang dijamin lebih adil.

"Malah, di samping membangunkan teknologi tinggi, masyarakat juga perlu mensantuni proses pengislaman ilmu dan kemahiran berfikir untuk membangunkan masyarakat," katanya yang turut memberikan contoh tokoh terkemuka Islam seperti Al-Khawarizmi, Al-Biruni, Al-Jazari dan tokoh yang berjaya mencipta sesuatu untuk disumbangkan kepada masyarakat.

Profesor Dato' Dr. Sidek turut menyarankan agar generasi baharu 'Y' yang selalu inginkan perubahan agar tidak melupakan sejarah dan perlu mendalami pengetahuan Islam dengan penuh penghayatan.

Katanya, adalah wajar mereka membuat perbandingan dengan negara Islam yang lain terutamanya dari sudut keamanan dan kemakmuran di sesebuah negara itu.

Beliau turut menekankan pentingnya nilai integriti dan berlaku adil dalam kebenaran kerana sebarang keputusan yang salah boleh memberi kesan kepada nasib anak bangsa pada masa akan datang.

Katanya, seperti juga ahli akademik yang menjalankan penyelidikan, setiap informasi yang diterima perlu dianalisa, dikaji dan dibuat hipotesis dalam memastikan setiap maklumat tepat dan berfakta.

Majlis turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.





Naib Canselor rasmi Tunas Saintis MRSM peringkat Kebangsaan

Globalisasi, kepesatan sains dan teknologi telah mengubah lanskap tamadun dunia yang menuntut peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi mengekalkan daya saing dalam iklim yang semakin mencabar ini.

Justeru, pertandingan Tunas Saintis MRSM Peringkat Kebangsaan Kali ke-22 anjuran Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) ini bertepatan dengan hasrat negara dalam membangunkan bidang sains, teknologi dan penyelidikan bagi melahirkan generasi yang futuristik, berdaya saing dan inovatif pada masa hadapan.

Dalam majlis ini, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir merasmikan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada pemenang pertandingan yang menyaksikan sebanyak 198 penyertaan di kalangan 48 buah MRSM seluruh Malaysia yang dianjurkan MRSM Kuantan sebagai tuan rumah.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing, dalam konteks UMP sebagai universiti awam, bolehlah dilihat pihak MRSM dan MARA amnya sebagai rakan kongsi yang berpotensi dalam menyumbang ke arah kecemerlangan pendidikan dan daya saing pelajar.

"Jaringan yang bersifat komplementari dengan pulangan nilai tambah kepada kedua-dua pihak ini pastinya memberi kesan jangka panjang terhadap daya saing graduan MRSM yang berkesinambungan hinggalah mereka tamat pengajian di universiti kelak.

"Sebagai medan di mana minat terhadap sains dan teknologi dipupuk sebagai budaya

kecemerlangan MRSM, maka Tunas Saintis boleh juga ditanda aras kepada pameran dan pertandingan penyelidikan mahasiswa yang banyak dianjurkan oleh pihak IPTA kini," katanya semasa menyampaikan ucapan di Dewan Ilmu, MRSM Kuantan pada 28 April 2013 yang lalu.

Malah, di UMP umpamanya, budaya penyelidikan dalam kalangan mahasiswa diberikan perhatian khusus secara bersktruktur melalui penganjuran *Creativity, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX)* sejak tahun 2010.

Maka katanya, pembudayaan penyelidikan yang bermula sejak bangun sekolah dan berkesinambungan pula hingga ke menara gading bakal memberi kesan positif jangka panjang dalam konteks daya saing guna tenaga nasional pada masa hadapan.

"Dalam semangat transformasi nasional yang dicituskan oleh kepimpinan negara hari ini, maka perkara ini harus dilihat dengan serius untuk ditekuni dan diterokai oleh pihak MRSM dan universiti dengan mengambil formula sinergi yang bersesuaian, maka kedua-dua pihak boleh menyumbang secara konstruktif untuk kecemerlangan prestasi dan daya saing pelajar," ujarnya.

Beliau yakin, pihak MRSM seluruh Malaysia mempunyai keupayaan untuk terus melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dan berwibawa untuk mengisi tempat di institusi-institusi pengajian tinggi dengan fokus terhadap lima cabang sains tulen

dan sains gunaan iaitu Fizik, Kimia, Biologi, Sains Komputer dan Kejuruteraan, maka Tunas Saintis sememangnya mengambil kira keperluan semasa teknokrat dalam negara yang sentiasa meningkat setiap tahun.

Pengetua Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, Zainal Yunus menghargai komitmen pensyarah terutamanya daripada UMP, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA dalam membantu melibatkan penilaian dalam bidang Fizik, Kimia, Kejuruteraan, Sains Komputer dan Biologi.

Pertandingan yang dianjurkan setiap tahun ini bertujuan memupuk minat dan sikap kerjasama terhadap bidang sains dan teknologi. Selain itu, pelajar turut dilatih dengan semangat kerjasama, bersikap positif dan belajar menangani risiko semasa menjalankan kajian.

Katanya, pelajar yang menang dalam pertandingan Tunas Saintis ini berpeluang menyertai pertandingan antarabangsa iaitu *INTEL International Science & Engineering Fair* yang diadakan di Amerika Syarikat setiap tahun.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Pengarah 1, Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Hajah Hanim Abdul Wahab, Pengarah MARA Negeri Pahang, Haji Salemi Yusoff dan Penyelaras Program, Latipah Sajari dari MRSM Kuantan.

CAIC anjur perkongsian amalan terbaik Pengajaran & Pembelajaran

Oleh: JULIANA MOHD. ALI



Peranan universiti sebagai sebuah menara ilmu hendaklah disandarkan kepada usaha yang berlipat ganda memperkasakan bidang pengajaran & pembelajaran (P&P) secara strategik dan berkesan. Justeru, salah satu usaha yang dilakukan adalah mentransformasikan kurikulum berasaskan hasil, pembelajaran berpusatkan pelajar dan penilaian sebagai asas pembelajaran. Pengajaran yang dilakukan oleh pensyarah sepatutnya merangsang, membantu, membimbing dan mendorong setiap pelajar yang berlainan latar belakang dan upaya untuk terus belajar secara mendalam dan bermakna.

Menyadari hakikat ini, satu Kolokium Pengajaran & Pembelajaran bertemakan "Menerajui Kecemerlangan Akademik, Memperkasa Kualiti" telah dianjurkan pada 14 Februari 2013 yang lalu. Program anjuran Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) ini telah diperkenalkan sejak tahun 2010, bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dalam P&P di samping meningkatkan pengetahuan, motivasi dan produktiviti kerja di kalangan tenaga akademik UMP.

Menurut Pengarah Program, Dr. Zailin Shah Yusoff, konsep perkongsian pengetahuan (knowledge sharing) yang diperkenalkan pada kali ini merupakan usaha untuk memacu kecemerlangan universiti khususnya dalam pembangunan aspek P&P bagi memastikan visi, misi dan pelan strategik UMP tercapai. Beberapa aspek yang berkait rapat dengan teknik pengajaran yang berkesan serta meningkatkan pengetahuan berkaitan pendidikan berteraskan hasil atau *Outcome Based Education* (OBE) merupakan topik utama untuk dikupas pada kolokium kali ini.

Kolokium yang turut mendapat sokongan pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) ini turut dihadiri oleh Pemenang Anugerah Pengajaran (Kategori Kejuruteraan) dalam Anugerah Akademik Negara 2006 iaitu Dr. Aishah Abu Bakar yang juga merupakan Pengarah, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, JPT, KPT. Dengan tajuk "*Understanding Outcome-Based Education* (OBE)", Dr. Aishah telah memberi penekanan "*constructive alignment*" dengan memberikan pelbagai contoh dan definisi bagaimana OBE dapat diaplikasikan dalam aktiviti P&P serta penilaian pengajaran.

Program kolokium pada kali ini telah menarik seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada staf akademik UMP Kampus Gambang dan Kampus Pekan. Program ini juga turut disertai oleh tenaga akademik daripada institusi yang mempunyai jalinan dan kolaborasi dengan UMP seperti Kolej Matrikulasi Pahang, Gambang, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun Terengganu, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Kuantan dan Politeknik Muadzam Shah, Kuantan.

Sementara itu, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi, Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) telah mengupas tajuk "*Method of Student Centered Learning* (SCL). Beliau merupakan pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang (Kategori Sains Sosial) semasa Anugerah Cendekia Bitara 2011 yang lalu.

Beliau berkata, kepentingan strategi pembelajaran yang berpusatkan pelajar bagi menggantikan kaedah tradisional yang biasa diaplikasikan dalam pembelajaran dapat membentuk pelajar supaya berperanan

aktif dalam proses pembelajaran menerusi semangat bekerja sebagai satu pasukan, penggunaan pelbagai sumber dan pengetahuan mengenai kaedah penyelesaian masalah.

Manakala bagi Aziman Abdullah seorang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang e-Pembelajaran serta pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang (Kategori Sains Gunaan) 2011, telah mengupas dan membentangkan tajuk "*Constructive Alignment in Teaching & Learning with Learning Management System Moodle*". Melalui pengalaman beliau dalam mengendalikan Sistem Pengurusan Pembelajaran Moodle di UMP, beliau merasakan aplikasi yang dibangunkan ini telah membantu pelaksanaan pembelajaran secara maya dengan menyokong pembelajaran secara mudah alih (*mobile learning*) dan secara tidak langsung mampu meningkatkan kualiti P&P dengan wujudnya teknologi yang lebih praktikal, mudah dan berharga.

Lain-lain pembentang ialah Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam dunia pendidikan. Pembentangan beliau telah memberi informasi yang berkesan kepada para peserta dalam menyediakan portfolio pengajaran dengan lebih berkesan dan memberi manfaat kepada para pelajar.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan menjadi pelantar kepada seluruh tenaga akademik di institusi pengajian tinggi untuk memberikan ilmu yang bermanfaat dalam menghasilkan modal insan unggul ke arah pembentukan masyarakat dan negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



UMP, 3 universiti luar negara kongsi kepakaran industri pembuatan

Oleh: MOHD ZAIRULNIZAM MOHD ZAWAWI



Dalam berkongsi kepakaran mengenai industri pembuatan melibatkan teknologi acuan (*Mold, Die and Casting*), Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama tiga universiti lain luar negara termasuk Iwate University Japan, Hanbat University Korea, Dang Liang University China menyertai program “UURR Global Human Development Program for Asian Manufacturing Industry 2013” di Iwate University Japan pada 26 Februari 2013 yang lalu di Jepun.

Delegasi UMP diketuai Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Dr. Ahmad Razlan Yusoff, pensyarah FKP, Mohd Zairulnizam Mohd Zawawi bersama dua orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan iaitu Engku Erysyd Engku Abas dan Farah Amira Mohd Ghazali.

Dr. Ahmad Razlan berkata, program UURR bermaksud University + University dan Region + Region bertujuan untuk menambah baik hubungan antarabangsa antara Universiti Iwate dan universiti di rantau Asia melalui koordinasi hubungan antara universiti-universiti dan industri serantau.

“Program ini dapat memberi ruang kepada semua delegasi melibatkan pensyarah dan mahasiswa universiti terbabit

untuk berkongsi hasil penyelidikan terkini di samping memupuk semangat mahasiswa untuk menerajui industri pembuatan terutamanya dalam bidang acuan pada masa hadapan,” katanya yang memaklumkan program dirasmikan Presiden Universiti Iwate, Profesor Katsumi Fujii.

Tambah beliau, selain pembentangan, perkongsian tentang teknologi dan penyelidikan terkini yang dijalankan di universiti masing-masing, satu kesepakatan turut dirancang untuk mewujudkan konsortium antara universiti-universiti terbabit yang bakal ditandatangani melibatkan empat institusi terlibat.

Menurut Dr. Ahmad Razlan, dengan penubuhan konsortium nanti, ianya dijangka dapat memantapkan lagi hubungan kerjasama terutama dari segi penyelidikan, pertukaran pelajar dan budaya serta mengukuhkan lagi hubungan dengan industri serantau.

“Selain ceramah, mereka turut didedahkan kepada hasil kajian terkini berkaitan dengan teknologi di dalam industri pembuatan daripada universiti-universiti yang terlibat.

“Turut dibincangkan termasuklah berkaitan program pertukaran pelajar, usaha sama penyelidikan antarabangsa,

penganjuran seminar antarabangsa mengenai industri pembuatan, usaha sama penyelidikan bersama industri serantau, pembiayaan serta pembangunan projek yang bermanfaat,” ujar beliau.

Delegasi turut dibawa melawat pusat penyelidikan di Bandar Kitakami yang berkonsepkan ‘Industry Centre of Excellence’ (I-CoE) yang menyaksikan hubungan erat antara universiti dan industri sekitar terutamanya dalam memanfaatkan penggunaan mesin-mesin berteknologi tinggi bagi tujuan penyelidikan.

Mereka turut berpeluang melawat Syarikat Citizen Tohoku Co. Ltd dan Metal Technology Co. Ltd dan kilang produksi di Kitakami.

Dalam memahami budaya dan tradisi masyarakat Jepun, peserta juga dibawa melawat pusat kraftangan, berkunjung ke kuil Chusonji dan muzium memorial Kenji Miyazawa di Hiraizumi untuk mendalami sejarah dan peristiwa penting yang berlaku di negara itu.

Program ini berjaya mengeratkan lagi hubungan kerjasama dari segi perkongsian penyelidikan dan budaya yang sedia terjalin di antara UMP, Universiti Iwate dan universiti serantau.



ASM, UMP anjur Seminar Antarabangsa Nadir Bumi

Kehadiran industri nadir bumi di Malaysia adalah rangsangan kepada ekonomi negara kita kerana ia akan membolehkan Malaysia bersaing dalam pasaran global dalam teknologi hijau. Semua teknologi mempunyai risiko tetapi apa yang lebih penting ialah bagaimana risiko tersebut diuruskan untuk kesejahteraan alam sekitar dan ekonomi negara.

Atas kesedaran inilah, buat julung kalinya, Akademi Sains Malaysia (ASM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Seminar Antarabangsa Nadir Bumi di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 28 Februari 2013 yang lalu.

Seminar yang bertemakan "*The Safety, Health, Environmental, Economic and Technologies*" itu dirasmikan oleh Pengerusi, Pasukan Bertugas Nadir Bumi ASM, Datuk Ir. (Dr.) Ahmad Zaidee Laidin.

Tujuan utama seminar sehari itu diadakan adalah untuk mengenal pasti potensi impak teknologi menggunakan elemen nadir bumi di hiliran industri teknologi hijau untuk pembangunan dan pelaburan di Malaysia.

Di samping itu juga, seminar ini adalah untuk mengenal pasti potensi impak kepada keselamatan, kesihatan dan persekitaran penduduk dan persekitaran dalam pemrosesan nadir bumi Malaysia serta mengenal pasti usaha penyelidikan dan inovasi (R & D) bidang yang berpotensi dalam nadir bumi.

Ir. (Dr.) Ahmad Zaidee Laidin dalam ucapan perasmian berkata, antara sebab sesetengah rakyat Malaysia menentang pembukaan kilang memproses bahan nadir bumi di negara ini berikutan terdapat kesalahfahaman dan kebimbangan

tentang kebocoran bahan kimia yang boleh menghasilkan bahan radiasi. Oleh sebab itu, adalah penting maklumat yang disebarkan adalah tepat dan terkini.

"Seminar seperti ini, sedikit sebanyak dapat membantu menyalurkan berita yang terkini seterusnya memberi impak positif dan juga menyampaikan elemen penting yang memberi faedah kepada rakyat Malaysia," katanya.

Manakala menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, seminar ini merupakan manifestasi komitmen pihak ASM dengan kerjasama UMP untuk memberikan maklumat sebenar yang tepat mengenai bahan dan industri nadir bumi, potensi, prospek dan impaknya kepada kita.

"Saya percaya seminar ini juga mampu memberi faedah yang banyak kepada pemahaman dan pengetahuan mengenai bahan dan industri nadir bumi, khususnya kesan pulangan ekonomi daripada industri tersebut kepada masyarakat tempatan dan negara Malaysia.

"Seminar ini adalah saluran yang tepat untuk membincangkan pelbagai perspektif pandangan, pemikiran dan input terhadap nadir bumi khususnya di tengah-tengah suasana intelektual dan neutral dewasa ini, agar tidak dihantui oleh kontroversi yang tiada asasnya.

"Dalam hal ini, UMP komited untuk berdiri di atas alasan yang sama dengan ASM dalam mempromosikan pemahaman yang lebih baik kepada industri bumi bahan-bahan dan jarang berlaku di kalangan rakyat Malaysia, terutama kepada penduduk tempatan Kuantan," katanya di hadapan 500 peserta seminar.

Seminar tersebut turut menampilkan tokoh-tokoh saintis tempatan dan antarabangsa yang berwibawa dan berkepakaran tinggi mengenai nadir bumi iaitu Pengasas, Technology Metal Research yang membentangkan kertas kerja bertajuk "Keperluan Nadir Bumi Serantau dan Impak terhadap Ekonomi Malaysia" dan Pengarah Centre of Social Responsibility, University of Queensland, Australia, Profesor Saleem Hassan Ali dengan tajuk "Pengurusan Konflik Dalam Sektor Nadir Bumi Berkaitan Bidang Persekitaran".

Selain itu, turut membentangkan kertas kerja ialah Pegawai Penyelidik Kanan, Agensi Nukleir Malaysia, Dr. Meor Yusoff Meor Sulaiman bertajuk "Pemrosesan Sumber Nadi Bumi di Malaysia oleh Syarikat Asian Rare Earth" dan kertas kerja bertajuk "Aktiviti Perusahaan, Kesan dan Pengawasan Risiko Terhadap Manusia" oleh Ketua Program Kesihatan Alam Sekitar dan Pekerjaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. YM Tengku Mohammad Ariff Raja Hussin.

Manakala pada sebelah petangnya seminar diteruskan dengan forum bertajuk "Industri Nadir Bumi di Malaysia: Isu Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran, Ekonomi dan Teknologi" oleh enam orang panel terdiri daripada Jack Lifton, Profesor Saleem Hassan Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Dr. Meor Yusoff Meor Sulaiman, Profeso Amran Abdul Majid dan Profesor Madya Dr. YM Tengku Mohammad Ariff Raja Hussin.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.



Program Profesor Bersama Masyarakat manfaatkan perkongsian kepakaran

Dalam membudayakan perkongsian ilmu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Majlis Profesor Bersama Masyarakat dengan menampilkan dua tokoh akademik UMP, iaitu Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) dalam program yang berlangsung di Hotel MS Garden, Kuantan pada 30 April 2013 yang lalu.

Majlis menyaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin bertindak sebagai moderator dalam membicarakan dua tajuk yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat.

Pada sesi pertama menyaksikan pencerahan berkaitan "Pendidikan Anak Melayu Teras Pemerkaasaan Negara" yang disampaikan Profesor Dr. Mohd. Ridzuan dan diikuti seterusnya syarahan oleh Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham bertajuk "Lynas: Fakta atau Auta".

Dalam syarahannya, Profesor Dr. Mohd. Ridzuan membicarakan tentang penggabulan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang membentuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dengan memberi peluang setiap anak bangsa untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi.

"Menyedari pentingnya usaha untuk melebarkan akses pendidikan, kerajaan juga memperkenalkan falsafah pendekmokrasi pendidikan tinggi agar semua lapisan

masyarakat boleh mendapat pendidikan tinggi yang berkualiti dan terbuka luas," katanya yang banyak menyorot lembaran sejarah pendidikan di Malaysia sejak zaman merdeka.

Sementara itu, bagi Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham yang merupakan ahli akademik yang banyak terlibat dalam penyelidikan berkaitan nadir bumi berkata, sejak timbulnya isu kilang Lynas Advanced Material Plant (L.A.M.P), banyak isu mengaitkan kesihatan, alam sekitar dan keselamatan mula menjadi perhatian masyarakat di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

"Syarahan ini menerangkan tentang permasalahan yang dihadapi dalam pelaburan projek-projek industri kimia yang berhadapan dengan persepsi masyarakat, berkongsi pengalaman dan kepakaran dari perspektif ilmiah dan situasi sebenar yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat dan orang ramai," katanya dalam menyampaikan syarahan.

Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham yang juga merupakan Profesor di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) berkata, seiring dengan perkembangan Malaysia menjadi sebuah negara maju, banyak pelaburan projek mega yang sedang dan akan dilaksanakan dalam negara.

Namun, disebabkan kurang faham dan kepentingan pihak tertentu, ianya mula dijadikan isu perdebatan yang menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat. Ini termasuklah yang mula diperkatakan kini tentang Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di

Pengerang Johor.

"Dalam menghadapi cabaran ini, adalah penting agar semua pihak seperti kerajaan, industri, pembuat keputusan, orang awam dan lain-lain pihak membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat termasuklah fakta saintifik," katanya yang juga dilantik sebagai Jawatankuasa Kerja Nadir Bumi, Akademi Sains Malaysia (ASM), Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penyelidikan Nadir Bumi UMP dan kini sebagai jurucakap yang dilantik pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkaitan nadir bumi.

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar mencari kebenaran dengan mengambil kira beberapa aspek dan sumber antaranya menerusi fakta sains dan bertanya kepada yang berilmu.

Mengenai kilang LYNAS, beliau berkata, semua operasi kilang seperti jua lain-lain perkara mempunyai risikonya. Malah, persoalannya adakah risiko itu boleh diurus atau diminimakan dengan tidak membahayakan keselamatan dan kesihatan orang ramai serta alam sekitar.

Tambahnya lagi, banyak sebab mengapa kilang ini memilih untuk membuat pelaburan di Malaysia, antaranya adalah peraturan perundangan yang lebih jelas dan tidak selalu berubah-ubah, kemudahan prasarana industri serta ilmu dan tenaga mahir di sini.

Majlis turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Lebih 200 peserta di kalangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan penduduk sekitar Kuantan hadir bagi mendengar syarahan tersebut.



Universiti memasyarakatkan pendidikan

Pendidikan merupakan pelaburan yang sangat penting dalam menentukan hala tuju negara pada masa depan. Proses pendidikan merupakan kaedah yang sangat berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang baik serta lebih sempurna.

“Menyedari pentingnya usaha untuk melebarkan akses pendidikan, falsafah pendemokrasian pendidikan tinggi diperkenalkan agar semua lapisan masyarakat dan lebih ramai orang mendapat peluang dalam pendidikan tinggi yang berkualiti,” kata Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa menyampaikan syarahan bertajuk “Universiti Memasyarakatkan Pendidikan” dalam Program Profesor Bersama Masyarakat di Hotel Zenith Kuantan pada 19 April 2013 yang lalu.

“Kerajaan telah merangka beberapa undang-undang dan dasar untuk dilaksanakan bagi mengupaya pelaksanaan prinsip akses pendidikan negara ini. Antaranya adalah menerusi penggubalan Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) yang berjaya meliberalisasikan sektor pengajian tinggi negara apabila lebih banyak kolej, kolej universiti dan universiti swasta ditubuhkan bagi mengambil calon-calon pelajar dari dalam dan luar negara.

“Malahan, penubuhan kolej dan IPTS ini berupaya melebarkan akses kepada pendidikan tertiar kepada rakyat dengan

penubuhan IPTS sebagai alternatif kepada IPTA, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada IPTA semata-mata sebagai pilihan pengajian tertiar,” ujar beliau.

Selain itu katanya, penggubalan Akta Lembaga Akreditasi Negara (Akta 556) sebagai satu undang-undang dan penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) kemudiannya berkembang sebagai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang menggabungkan LAN dengan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. MQA bertanggungjawab dalam membangunkan rangka kerja kelayakan pengajian tinggi negara sebagai asas kawalan kualiti dan akreditasi program-program pengajian di IPTS termasuk IPTA.

Dalam merealisasikan pengeluaran modal insan yang berkualiti, bilangan pelajar pengajian tinggi perlu ditingkatkan agar selari dengan keperluan negara. Maka penubuhan PTPTN turut melengkapkan ekosistem pengajian tinggi negara apabila pembiayaan pengajian terjamin untuk setiap anak bangsa yang mendapat tempat pengajian melalui akses yang telah diluaskan.

Tambah beliau dengan gabungan akses, jaminan kualiti dan pembiayaan yang diwujudkan melalui perundangan dan dasar negara ini merupakan satu transformasi yang telah mengubah landskap pengajian tinggi negara pada masa itu.

Namun katanya, ketiga-tiga inisiatif elemen penting itu tidak terhenti di situ sahaja, malah akses ini semakin diperluas, sama ada dari segi kuantiti, kualiti mahupun

kepelbagaian.

Program yang dihadiri hampir 500 orang di kalangan penjawat awam dan masyarakat sekitar Kuantan ini turut didedahkan dengan transformasi pengajian tinggi yang mendahulukan kepentingan rakyat dengan dasar Sistem Meritokrasi yang diperkenalkan pada tahun 2002. Ianya menggantikan sistem kuota bagi pemilihan calon yang layak ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan kemampuan pelajar yang dinilai dengan 90 peratus markah akademik manakala 10 peratus markah kokurikulum.

Selain itu, dalam melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat, di UMP misalnya, Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) melaksanakan program latihan, latihan semula, pengajian berterusan kepada pihak industri, swasta, kumpulan profesional dan masyarakat.

Katanya, apa yang telah dilakukan sehingga ini dalam bidang pendidikan dan pengajian tinggi jelas menunjukkan komitmen negara untuk menentukan tidak ada pihak yang dipinggirkan dan pendidikan merupakan elemen penting dalam model ekonomi baharu negara yang akan membawa merealisasikan Wawasan 2020 ke arah Malaysia negara maju.

Program Profesor Bersama Masyarakat yang diperkenalkan UMP ini terus dilaksanakan bagi memberi peluang di kalangan profesor untuk berkongsi kepakaran dan menyampaikan ilmu serta bertukar pandangan dengan masyarakat setempat.



Sinergi berterusan UMP dan ECERDC tingkat pencapaian akademik pelajar luar bandar

Dalam mengimbangi pertumbuhan pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar, jalinan kerjasama melibatkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), agensi-agensi kerajaan dan industri serta pembangunan wilayah ekonomi mampu meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat termasuk dalam pembangunan akademik pelajar sekolah.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sinergi yang konsisten antara UMP dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan sokongan padu pihak sekolah berjaya menghasilkan impak yang besar dalam mentransformasikan landskap literasi ilmu dalam kalangan pelajar luar bandar.

"Dalam memanfaatkan kepakaran dan pengalaman dalam pelbagai lapangan ilmu pengetahuan terutamanya bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UMP mampu memainkan peranan dalam memacu pembangunan sosioekonomi setempat, khususnya di daerah Pekan.

"Jika ditekuni dari sudut Strategi Lautan Biru, sinergi antara kedua-dua pihak ini sebenarnya dapat mengurangkan bebanan kerajaan dalam konteks pembentukan inisiatif dan penyaluran dana bagi aktiviti-aktiviti sokongan akademik yang bercorak bina insan," katanya semasa berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan

PMR dan SPM peserta program Sinar ECER dan Empower ECER Kuala Pahang 2012 di Dewan Astaka UMP kampus Gambang pada 17 April 2013 yang lalu.

Menurut Dato' Dr. Daing, UMP amat berbangga dengan kerjasama erat dengan ECERDC ini menyaksikan penglibatan aktif warga kerja dan mahasiswa UMP yang telah turun padang ke sekolah-sekolah bagi mengisi aktiviti-aktiviti bersifat latihan akademik dan motivasi bersama para peserta dalam menjayakan dua inisiatif ini.

Tambah beliau, dengan sokongan berterusan yang diterima daripada Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan Pejabat Pelajaran Daerah Pekan, maka aktiviti-aktiviti telah dapat digerakkan bagi membantu meningkatkan kecemerlangan akademik dan sahsiah di enam buah sekolah iaitu SMK Indera Shahbandar, SMK Lepar serta empat sekolah rendah iaitu SK Indera Shahbandar, SK Serandu, SK Runchang dan SK Lepar.

Menurut Dato' Dr. Daing, perimeter inisiatif Sinar ECER dan Empower ECER Mahkota pada tahun ini akan dilebarkan lagi dengan pertambahan 13 buah sekolah lagi di mukim Kuala Pahang dengan melibatkan 1,781 pelajar sebagai penerima manfaat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Jebasingam Issace John amat menghargai kerjasama UMP dan rakan-rakan strategik lain dalam membantu merealisasikan

hasrat kerajaan dalam meningkatkan tahap pencapaian pelajar luar bandar.

Dalam majlis itu, seramai 44 orang pelajar cemerlang dan berpotensi menerima hadiah kecemerlangan dan sijil penghargaan yang disampaikan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dan Dato' Jebasingam Issace John.

Pelajar SMK Lepar, Rabiatul Adawiyah Afindi yang merupakan anak peserta projek Agropolitan Pekan mendapat keputusan cemerlang 7A dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala Zulhilmi Zaiful Kamil dan Auni Fatin Liyana Borhan dari sekolah yang sama turut berjaya mendapat keputusan 8A dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR).

Pelajar menerima hadiah kecemerlangan wang tunai berjumlah antara RM 50 hingga RM 150 mengikut keputusan peperiksaan berserta sijil penghargaan. Lebih 200 tetamu di kalangan keluarga, pengetua sekolah, guru dan warga UMP hadir memeriahkan program.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Profesor Dr Zulkefli Yaacob, Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Sosial ECERDC, Zulkifli Ya'acob dan Pengurus Projek Pembangunan Sosial ECER-UMP, Zainal Bahari.



2 penyelidik raih pingat emas di ARCHIMEDES Rusia

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mencipta kejayaan di persada antarabangsa apabila meraih dua pingat emas dalam pertandingan projek penyelidikan dan pameran *16th International Salon of Invention and Innovation Technologies (ARCHIMEDES)* yang diadakan di Sokolniki Exhibition Center di Moscow, Rusia pada 5 April 2013 yang lalu.

Kemenangan diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Arun Gupta dengan tajuk penyelidikan beliau "*Development of Bio Adhesive Using Lignin and Soya Protein for Wood Composite*".

Penyelidikan yang melibatkan penggunaan bahan *bio adhesive lignin* dan protein soya bagi menghasilkan papan lapis yang lebih bermutu tinggi ini juga melibatkan penyelidik lain termasuk Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, G.K Chua dan Mohammed

Nasir.

Turut memenangi pingat emas adalah penyelidik dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad yang berjaya memikat hati juri dengan kajian bertajuk "*Effective Persistence Layer Synchronous Replication for Heterogonous Distributed Database*".

Menurut Dr. Noraziah, penyelidikan yang dihasilkan ini berkaitan pengkalan data teragih bagi sesuatu organisasi yang memerlukan data yang banyak atau beroperasi dengan lain-lain cawangan.

"Sistem yang dihasilkan ini juga mampu mengurus data secara automatik sekiranya berlaku kegagalan dalam sistem," ujar beliau.

Penyelidikan turut membabitkan penyelidik lain iaitu Abul Hashem Beg, Profesor Madya Dr. Ahmed N Abdalla, Ainul Azila Che Fauzi dan Mohd. Amer Mohd. Azhar.

Lebih menarik, kedua-dua produk penyelidikan ini menerima anugerah khas dan diiktiraf pihak Centrul De Studii Ci Cercetari Psihotronice Si Ufologice, Romania atas kecemerlangan dan penghasilan projek berpotensi.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang singgah sebentar dalam pameran ini berbangga dengan kejayaan ini. Malah, ianya membuktikan hasil penyelidikan UMP ini diiktiraf dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Panel juri turut memberi maklum balas positif terhadap perkembangan inovasi dan projek penyelidikan dari UMP yang mendapat perhatian masyarakat antarabangsa," katanya yang mengharapkan lebih ramai lagi penyelidik mampu mencipta nama di peringkat antarabangsa dan mengharumkan nama UMP.



3 Penyelidik harumkan nama UMP

Tiga penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merangkul anugerah sempena Malam Citra Inovasi anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang diadakan di Hotel JW Marriott, Putrajaya pada 5 Mac 2013 yang lalu.

Antara penyelidik yang berjaya ialah menerusi reka cipta Teknologi Pengolahan Semula Minyak Pelincir Terpakai kepada Minyak Asas yang membantu mengurangkan kebergantungan kepada minyak mentah asas dara yang lebih murah 20 peratus berbanding harga pasaran serta membantu dalam proses pemulihan rumah hijau berkaitan minyak terpakai dalam penghasilan minyak enjin kenderaan di bawah penyelidikan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Penyelidik Eng. Abdul Syukor Abd Razak daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan penyelidikannya Pisoptera turut mendapat pengiktirafan iaitu penghasilan produk teknologi hijau yang berasaskan bahan buangan daripada kelapa sawit dikenali sebagai tandan buah kosong (TBK) yang berupaya menghalang serangan anai-anai.

Selain itu, Ustaz Asar Abdul Karim dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang menghasilkan perisian komputer bagi mengatasi masalah berkaitan huruf jawi rumi yang dinamakan Asar Font turut memenangi anugerah. Penyelidikan ini berjaya merungki permasalahan perisian jawi yang menggunakan kaedah satu font sahaja dan amat berguna kepada guru j-QAF dalam menyampaikan sesi pembelajaran. Produk jawi ini telah mendapat sambutan di kalangan individu serta organisasi.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi Dato Seri Mohamed Khaled Bin Nordin.

Dalam teks ucapannya beliau memuji kesungguhan penyelidik dalam membudayakan inovasi serta kreativiti kepada masyarakat dengan menghasilkan produk berkualiti dan berguna.

KPT memainkan peranan penting dalam menjadikan inovasi sebagai teras utama yang memacu pembangunan negara dan penganjuran majlis Malam Citra Inovasi ini dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan strategi antara IPT dengan industri, agensi pusat, agensi swasta dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan inovasi dan pelabur.

Sementara itu, Asar Abdul Karim yang mencipta Asar Fonts amat menghargai anugerah yang diberikan oleh KPT ini

"Dihargai dan menaikkan semangat kepada para penyelidik kerana berjaya mengkomersialkan produk dan bermanfaat untuk masyarakat", kata beliau.

Manakala Eng. Abdul Syukor Haji Abd Razak berkata, kejayaan dan pengiktirafan seperti ini dapat mewujudkan persaingan dalam mereka cipta pelbagai produk yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja kepada manusia tetapi juga alam sekitar.

Turut hadir pada malam tersebut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan sebanyak 94 penciptaan daripada IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti menerima penghargaan pada Malam Citra Inovasi Ini.



UMP rangkul 13 pingat, 2 anugerah di MTE 2013

Oleh: NOR ASYIKIN BASHARUDDIN

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul 13 pingat dan dua anugerah pelbagai kategori pada pameran dan pertandingan *Malaysia Technology Expo (MTE) 2013* yang diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2013 yang lalu.

Pertandingan dan pameran yang bertemakan *Engineering & Technology* itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dan menyaksikan penyertaan lebih daripada 400 projek penyelidikan dalam dan luar negara.

Daripada 15 produk penyelidikan yang dipertandingkan, UMP telah berjaya meraih empat pingat emas, empat perak, lima gangsa dan dua anugerah khas.

Penyelidikan Profesor Dr. Jose Rajan dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) yang berkaitan dengan superkapasitor berkuasa tinggi mengguna pakai kulit kelapa kelapa

sawit dalam penghasilan kuasa dan tenaga telah berjaya memenangi pingat emas dan paling membanggakan beliau juga turut menerima anugerah khas (*Best of the Best*) menerusi penyelidikannya bertajuk *High Performance Supercapacitor Using Activated Carbon derived from Waste Palm Oil Kernel Shell*.

Turut memenangi emas ialah penyelidik yang juga Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan

Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain dengan penyelidikannya yang bertajuk *Automated Wood Species Recognition for Malaysia Timber*. Penyelidikan ini mengenai sistem pengesanan kayu di Malaysia menggunakan IT.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad juga dari FSKPP dengan penyelidikan beliau bertajuk *Effective Persistence Layer Synchronous Replication for Distributed Databases Environment* turut memenangi pingat emas menerusi penyelidikan mengenai aplikasi pengkalan data untuk penyimpanan data yang lebih selamat.

Manakala bagi penyelidikan mengenai pembuatan dan menguatkan kayu dengan menggunakan soya pula turut dimenangi oleh Dr. Arun Gupta dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan penyelidikannya bertajuk *Development of*

Bio-Adhesive using Lignin and Soy Protein for Wood Composite".

Selain itu, UMP juga telah berjaya meraih empat pingat perak menerusi penyelidik dari FSTI, Profesor Dr. Jose Rajan dengan penyelidikannya *"A Knowledge based Design For Highly Efficient Dye-Sensitized Solar Cells"*, Nadiyah Mokhtar dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan penyelidikannya *"Eco-Limestone Filter For Leachate Treatment"*, Dr Ir Said Nurdin dari FKKSA dengan penyelidikannya *"Activated Egg Shell Waste Catalyst (ESWC) For Biodiesel Synthesis Form Jatropa Curcas Oil"* dan Dr. Hadi Manap dari Fakulti Teknologi (FT) dengan penyelidikannya *"Real Time Nh3 Monitoring System Using An Open-Path Optical Method"*.

Sementara itu, booth UMP juga berjaya memikat hati juri dan mendapat tempat pertama untuk Kategori Booth Pameran Terbaik dan juga menerima anugerah *The Most Friendly Visitor Booth* pada MTE tahun ini.

Semua penyelidik memberikan komitmen yang tinggi dalam penyertaan kali ini. Kemenangan yang diperoleh oleh UMP adalah satu petanda positif dan pencapaian yang membanggakan yang mana para penyelidik UMP mampu untuk menghasilkan penemuan yang lebih berinovasi, kreatif dan memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Ekspo Teknologi Malaysia (MTE 2013) telah dirasmikan oleh Presiden, Malaysian Association of Research Scientists (MARS), Dato' Dr. Mohamed Arifin Aton.



CITREX pameran 179 penyelidikan UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mempamerkan sebanyak 179 projek penyelidikan yang dihasilkan pelajar dan pensyarah dalam memupuk kreativiti dan inovasi serta membudayakan penyelidikan yang mampu menyumbang kepada teknologi masa depan negara.

Pertandingan yang dinamakan Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi & Penyelidikan (CITREX 2013) anjuran Jabatan Penyelidikan & Inovasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) telah berlangsung selama tiga hari di Kompleks Sukan UMP pada 28 Mac 2013 yang lalu.

Seramai 87 pelajar dan 92 orang staf akademik mewakili lapan fakulti di UMP menampilkan hasil penyelidikan masing-masing yang dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini merupakan platform terbaik dalam menilai kreativiti penyelidik dan keupayaan mahasiswa UMP untuk terus menyumbang terhadap pembangunan teknologi negara.

"Peningkatan dalam bilangan penyertaan tahun ini daripada 130 kepada 179 projek, membuktikan bahawa penyelidik UMP mempunyai semangat dan komitmen untuk menghasilkan produk berkualiti tinggi dan penyelidikan yang berinovasi yang bukan hanya untuk kepentingan universiti, tetapi juga untuk negara.

"Program ini juga berjaya menyahut seruan kerajaan bertepatan dengan

pengistiharan tahun 2013 sebagai Tahun Sains dan Inovasi," katanya semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah CITREX 2013. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr Rosli Mohd. Yunus.

Katanya, kemampuan penyelidik menghasilkan penemuan baharu dan teknologi berteraskan pengetahuan dan penyelidikan ini bakal melonjakkan nama UMP ke peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau mengharapkan UMP akan menjadi salah satu nama besar dalam bidang penyelidikan pada suatu hari nanti.

Pengerusi CITREX, Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid berkata, penyelidikan pelajar dan staf akademik mewakili lapan fakulti di UMP menampilkan hasil penyelidikan UMP yang dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam memberi suntikan di kalangan warga universiti untuk menjalankan penyelidikan.

"Daripada jumlah yang dipertandingkan sebanyak 32 produk berjaya dianugerahkan pingat emas, 67 projek dianugerahkan pingat perak dan 65 projek lagi menerima pingat gangsa," katanya.

Majlis menyaksikan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) dinobatkan penerima Anugerah *Best Of The Best* bagi kategori staf. Projek penyelidikan beliau bertajuk 'Xymas' ini menghasilkan produk pemanis 'Xylitol' daripada serbuk kayu dengan menggunakan kaedah asid

hidrolisis dan tindak balas enzim. Produk yang memenangi pingat emas ini digunakan bagi mengelakkan karies dan mencegah kerosakan gigi.

Bagi pemenang *Best of The Best Award* kategori pelajar dimenangi pelajar kelainan upaya, Siti Hawa Apandi dari FSKKP dengan tajuk 'Smart Attendance' yang turut memenangi pingat emas. Beliau yang mengidap penyakit *Spinal Muscular Atrophy* (SMA) iaitu sejenis penyakit yang melemahkan urat sarafnya sejak kecil diiringi ibunya, Zaidah Tamjis. Siti Hawa berjaya mencipta perisian bagi menyelesaikan masalah pihak sekolah di Kuantan memantau kehadiran pelajar dalam kelas dengan lebih berkesan.

Sementara itu, Anugerah Khas (Teknologi Hijau) sumbangan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dimenangi Mohd. Najib Razali dari FKKSA dengan tajuk projek 'Innovative Green Technology Waste Emulsion Treatment System' yang turut memenangi pingat emas. Penyelidikannya mampu menyelesaikan masalah alam sekitar hasil daripada sisa industri dengan kos yang lebih rendah serta mempelbagaikan penggunaan sisa produk ini kepada barangan lain seperti gris.

Lebih 1,000 warga universiti dan pelajar UMP serta IPT sekitar Kuantan hadir menyaksikan pameran termasuklah dari Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS), Kolej Komuniti Kuantan dan Kolej Matrikulasi Pahang.



Pelajar raih 6 pingat emas dan 3 Anugerah Khas dalam i-ENVEX

Oleh: ABDUL RAHMAN AHMAD

Arau, 19 April- Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi enam pingat emas, tiga perak dan enam gangsa dalam Pameran Antarabangsa Inovasi dan Rekaippta Kejuruteraan (i-ENVEX) anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMap) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 19 April 2013 yang lalu.

Penyelidikan oleh pelajar kelainan upaya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Siti Hawa Apani bertajuk 'Smart Attendance Management System' telah memenangi pingat emas dan diiktiraf menerima Anugerah Khas i-ENVEX Best Award (ICT Multimedia, Telecommunications, Electricity & Electronic). Penyelidikan ini diselia oleh Pensyarah FSKKP, Rozlina Mohamed dan Muhammad Zulfahmi Toh Abdullah@Toh Chin Lain.

Pingat emas turut dimenangi Mohd. Faiz A. Razak dan Nurul Hidayah Muhammad@Ghazali dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan projek penyelidikan bertajuk 'Ultrasonic Assisted Transesterification of WCO Catalysed by Cement Clinker Based Catalyst' seliaan pensyarah FKKSA, Dr. Jolius Gimbut. Penyelidikan yang menerima anugerah khas Sir Anthony J. Leggett Nobel Award yang turut menerima wang tunai seribu ringgit. Penyelidikan melibatkan pelajar Nur Syazwani Mohd. Noor, Said Nordin dan Liyana Amer Shah.

Pelajar FKKSA, Muhammad Noor Azreen Mohd Khairu dan Noor Adilah Md Salehan juga menerima pingat emas dan Anugerah Khas INOVA Young Inventor Award tajaan Croatia Inventors Association apabila projek penyelidikan mereka bertajuk 'Recycling Of Monoethanolamine (MEA) Wastewater Using Bioadsorbents Treatment system (From Waste to Wealth)' mendapat perhatian pihak juri.

"Penyelidikan yang dijalankan ini adalah merawat sisa bahan kimia (monoethanolamine) dengan menggunakan penyerap semula jadi yang terbuang seperti chitosan, serkam padi, kulit pisang dan hampas tebu yang dikitar semula melalui proses penyerapan berterusan," katanya yang ditemui selepas menerima anugerah.

Beliau amat menghargai sokongan dan dorongan pensyarah yang banyak membantu terutamanya dalam membuat persediaan semasa

sesi penilaian dijalankan.

Penyelidikan di bawah seliaan pensyarah, Mohd. Najib Razali dan Dr. Anwaruddin Hisyam ini juga membabitkan penglibatan pelajar lain iaitu Noor Adilah Md. Salehan, Noradlinnaini Mihamad, Zulfahfiz Zulkifli dan Mohd. Ebran Razali.

Lain-lain yang mendapat emas melibatkan pelajar dari FKKSA, Nurul Asyikin Mohd Azam, Che Mohd Aizal Che Mohd dan Shalini A/P Mani serta Mohd Syaifulsyam dan Hajar Athirah Mohd Sukri dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Penyertaan pada kali ini melibatkan lebih 500 penyelidik muda yang mempamerkan 289 produk penyelidikan termasuk dari luar negara iaitu Kemboja, Kanada, India, Korea Selatan dan Iran.





Pelajar FKKSA menang pertandingan *IEM Plant Design*

Oleh: DR. JOLIUS GIMBUN

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menang tempat ketiga dalam *IEM Plant Design Competition* 2012 anjuran Bahagian Teknikal Kejuruteraan Kimia Institut Jurutera Malaysia (IEM) Kuala Lumpur pada 23 Februari 2013 yang lalu.

Pertandingan menyaksikan sebanyak lapan kumpulan berjaya melayakkan diri ke pertandingan akhir setelah bersaing dengan 24 kumpulan lain. Selain UMP, lain-lain terdiri daripada Monash University, Taylor University, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), TATI University College (TATIUC), Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET) dan Universiti Tun Abdul Rahman (UTAR).

UMP dimenangi pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Chiew Yee Ket, dengan tajuk projek "*Production of Biogas by Palm Oil Mill Effluent (POME)*". Projek seliaan Dr. Jolius Gimbun ini turut melibatkan pelajar lain iaitu Law Woon Phui, Lau Siau Jing, Ling Yeu Shin dan Tan Ni King.

Dalam pertandingan ini, johan dianugerahkan kepada Monash University yang membawa pulang

hadiah wang tunai RM3,000 diikuti tempat kedua milik Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dengan hadiah wang tunai RM2,000 dan UMP membawa pulang wang tunai RM1,000.

UMP turut berbangga dengan kejayaan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) yang diketuai Lai Vi Ven yang berjaya hingga ke peringkat akhir dalam pertandingan ini. Projek bertajuk "*Production of 13.6 m³ of biogas from sewage sludge to produce 0.14TWh of electricity*" di bawah seliaan pensyarah FKKSA, Shahril Mohamad dan Dr. Chua Yeo Gek Kee ini juga melibatkan pelajar lain yang terdiri daripada Fatimah Azzahra Misaibah, Nur Ain Sukri, Abu Hassan Nazir dan Morina Mohd Selih.

"Pencapaian pasukan UMP ini amat membanggakan kerana projek reka bentuk loji ini agak mencabar memandangkan peserta diminta menggunakan semua aplikasi dalam kejuruteraan kimia untuk menghasilkan reka bentuk terbaik," kata Dr. Jolius.

Beliau turut menghargai sokongan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Saffad) dan pihak fakulti yang banyak membantu dalam meraih kejayaan ini.



Pelajar perlu memanfaatkan bantuan *Netbook 1 Malaysia*

Seramai 375 orang pelajar yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima bantuan komputer *netbook* pada Program Penyerahan *Netbook 1 Malaysia* yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 29 April 2013 yang lalu.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan menggunakan dana khidmat sejagat (UPS) dalam usaha membantu pelajar-pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi keperluan pembelajaran dan mengurangkan beban para pelajar yang kurang berkemampuan dalam memanfaatkan penggunaan jalur lebar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Pemberian *netbook* ini disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan IPT yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM).

Antara kriteria yang dinilai termasuklah pendapatan keluarga tidak melebihi daripada RM3,000 dan tidak pernah menerima *Netbook 1 Malaysia*.

Selain itu, pemberian hanya dihadkan kepada satu unit untuk sebuah keluarga serta pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, aktif dalam kokurikulum dan rekod disiplin yang baik.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, para pelajar pada masa kini perlulah sentiasa bersyukur dengan segala kemudahan dan memanfaatkan *netbook* yang merupakan satu kemudahan pada abad ke-21 ini.

"Pelajar perlu menggunakannya dengan rasa penuh bertanggungjawab dan memaksimumkan penggunaan kemudahan

jalur lebar yang disediakan dalam memastikan usaha murni ini dapat digunakan sepenuhnya.

"Keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan pelajar kini memfokuskan tiga perkara penting iaitu pendapatan yang tinggi di kalangan masyarakat dan tiada perbezaan yang boleh diketepikan. Malah, tiada sesiapa pun boleh dipinggirkan dalam pembangunan secara lestari ini," katanya

Menurutnya, UMP merupakan universiti pertama di negeri Pahang yang menerima kemudahan *netbook* untuk pelajar-pelajarnya manakala sebanyak 170,000 unit *netbook* telah diedar di seluruh negeri Pahang melibatkan pelajar Kolej Komuniti dan pelajar sekolah sejak pelancarannya tiga tahun lalu.

Majlis turut dihadiri Timbalan Pengarah SKMM Wilayah Timur, Shahrizal Hussin.





Majlis Makan Malam erat hubungan warga kerja UMP

Seramai 1,700 orang di kalangan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama ahli keluarga masing-masing hadir memeriahkan Majlis Makan Malam UMP anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang pada 26 April 2013 yang lalu.

Majlis dihadiri ahli Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengerusi BKSS, Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais.

Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapannya berkata, penganjuran majlis ini merupakan suatu medan untuk mengeratkan warga kerja UMP dengan semangat kekeluargaan dan kekitaan yang tinggi bukan sahaja di kalangan staf malahan di antara ahli keluarga.

"Ianya merupakan manifestasi fleksibiliti kita dalam kerja rutin seharian sebagai penjawat awam di sini. Walaupun pada hakikatnya terdapat hirarki atau protokol tertentu dalam urusan rasmi seharian. Namun, hakikat itu tidak membataskan pula jalinan persahabatan dan persaudaraan antara kita

berteraskan persefahaman dan perasaan setiakawan," katanya ketika menyampaikan ucapan.

Beliau yang berbangga dengan penganjuran program berkata, majlis malam ini turut menggambarkan kesatuan minda dan tindakan warga kerja UMP untuk membentuk kerangka tenaga yang ampuh bagi menjayakan aspirasi perdana universiti ini.

Dato' Dr. Daing turut mengharapkan agar inisiatif ini terus diberi tumpuan yang sewajarnya oleh pihak BKSS dalam konteks pemupukan kesedaran kewargaan (*citizenship*) dan kepunyaan (*belonging*) terhadap UMP dalam kalangan warga kerja Universiti ini.

Selain itu, BKSS juga haruslah terus memberikan perhatian kepada objektif utama penubuhannya iaitu pengurusan kebajikan warga kerja UMP dengan melaksana inisiatif-inisiatif yang berkaitan secara lestari dan menyeluruh.

Sementara itu, Mohd. Raizalhilmy berkata, penganjuran bertemakan 1 UMP 1 Keluarga ini diharapkan akan terus memupuk hubungan erat di antara staf universiti dari pelbagai peringkat dan jabatan. Pihaknya juga mengharapkan komitmen semua warga UMP dalam melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dianjurkan BKSS untuk manfaat bersama.

Majlis tambah meriah dengan penampilan dua pelawak terkenal, Abon dan Dato' Ali Mamak berjaya menggamatkan pentas dan menghiburkan tetamu yang hadir. Begitu juga keletah kanak-kanak dalam Pertandingan Pakaian Beragam Kanak-kanak yang turut mencuit hati tetamu.

Selain menyaksikan persembahan, tetamu yang hadir turut berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah. Pemenang hadiah utama, Noor Syahidah Sabran dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi berjaya membawa pulang sebuah motorsikal. Lain-lain hadiah berupa pakej pelancongan, televisyen dan Sijil Simpanan Premium BSN.





Persatuan MATAHARI sambut ulang tahun ke-3

Lebih 100 orang di kalangan ahli Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (MATAHARI) hadir meraikan Majlis Ramah Mesra sempena Sambutan ke-3 Persatuan MATAHARI dalam suasana yang santai dan cukup meriah di Hotel Zenith, Kuantan pada 15 Februari 2013 yang lalu.

Bertemakan warna merah muda, kaum wanita UMP berpeluang beramah mesra di kalangan ahli persatuan sambil diiringi persembahan hiburan, memenangi hadiah cabutan bertuah dan menyaksikan pertunjukkan fesyen busana muslimah.

Majlis dirasmikan Dato' Shaniza Shamsuddin yang hadir mewakili Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Dato' Maznah Mazlan.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Penasihat Persatuan MATAHARI, Datin Fazia Ali, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato Dr. Rosli Mohd. Yunus dan isteri Datin Wan Maizurina Wan Othman, Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain dan Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Beliau yang hadir membaca teks ucapan Dato' Maznah mengucapkan tahniah kepada warga wanita UMP yang berjaya membentuk persatuan yang aktif dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan dan program yang berimpak tinggi walaupun baharu menjangkau tiga tahun penubuhan.

"Penubuhan Persatuan MATAHARI dilihat

bertepatan dengan usaha proaktif kaum hawa dalam mencurahkan bakti dan mengembleng tenaga untuk menghasilkan inisiatif-inisiatif yang dapat dimanfaatkan masyarakat setempat dalam aktiviti profesional, amal dan kebajikan khususnya di kalangan masyarakat di negeri Pahang, malah turut mengembleng tenaga menyediakan kemudahan yang boleh dimanfaatkan di kalangan warga UMP meliputi aspek kebajikan, perkhidmatan pendidikan, kelengkapan pusat jagaan, program ilmiah, riadah dan rekreasi menerusi jawatankuasa yang ditubuhkan di dalam persatuan demi kecemerlangan Persatuan Matahari," katanya yang mengharapkan MATAHARI akan terus mekar dan bersinar dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat.

Tambah beliau, peranan MATAHARI dalam membantu membina masyarakat yang mampan tidak boleh dipandang remeh dan kerajaan sentiasa menyokong usaha gigih persatuan-persatuan seumpama ini untuk bergerak seiring dengan matlamat kerajaan bagi membina negara yang kompetitif.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah berkata, barisan ahli jawatankuasa yang dilantik sentiasa mengembleng tenaga dan idea dalam usaha menambah dana pendapatan yang antaranya mewujudkan inkubator bagi menjalankan perniagaan kafeteria, menjual air minuman, kemudahan Matahari Inn dan sebagainya yang bukan sahaja bermatlamatkan perniagaan malah membantu universiti dalam meningkatkan kemudahan khususnya untuk mahasiswa

UMP.

Katanya, persatuan turut giat menjalankan program kerjasama melibatkan pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi pelaksanaan empat program pembangunan modal insan melibatkan program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang; Sinar ECER untuk anak-anak Agropolitan Pekan; latihan motivasi untuk peserta Agropolitan di Runchang, Lepar dan Tanjung Batu serta latihan membaiki enjin dan penyelenggaraan kenderaan bermotor untuk belia di Agropolitan Pekan dan Kelas Masakan 1 Malaysia di kalangan komuniti wanita di Kuala Pahang.

Lain-lain kerjasama turut melibatkan Majlis Belia Malaysia (MBM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) lain.

Tambah Dr. Mimi Sakinah lagi, dalam usaha memasyarakatkan kampus, persatuan turut memperkenalkan Program Baucer Sinaran Kasih dalam membantu pelajar yang kurang berkeupayaan serta menyumbangkan RM 50,000 kepada UMP bagi Hadiah Srikandi Matahari khusus untuk pelajar wanita yang cemerlang akademik dan kokurikulum setiap kali Majlis Konvokesyen UMP.

Beliau mengharapkan, Persatuan MATAHARI akan terus aktif dalam merealisasikan segala objektif yang disepakati dengan penuh kesungguhan, iltizam dan keinginan untuk mengecapi taraf dan cara hidup yang lebih baik, progresif dan berdaya saing.



8 delegasi UMT lawat PPKPK

Oleh : WAN AZLEE HAJI WAN ABDULLAH

Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima lawatan kerja rasmi daripada lapan orang staf Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 19 Februari 2013 yang lalu.

Lawatan yang diketuai Pengarah Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat, Profesor Madya Dr. Mohd Pouzi Hamzah itu turut disertai oleh Ketua Pengurusan Risiko, Dr. Mohd Nazli Mohd Nor, Ketua Transformasi, Dr. Zainal Abdullah dan enam pegawai yang lain.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, PPKPK, Wan Azlee Haji Wan Abdullah, antara tujuan utama lawatan tersebut ialah khusus kepada pengurusan kualiti dan pengurusan data.

“Selain itu, delegasi turut mempelajari bagaimana untuk membangunkan sebuah aplikasi yang mampu menyatukan data-data

yang diselarikan di bawah bahagian atau pusat tanggungjawab seperti PSPTN, MyRA, SETARA, D-SETARA, MyMoheS dan lain-lain.

“Antara tujuan lain lawatan ialah untuk mempelajari amalan terbaik yang diguna pakai oleh PPKPK dalam mengurus data-data dan maklumat rasmi universiti dan mempelajari peranan yang dimainkan oleh UMP dalam meningkatkan imej dan kedudukan (*ranking*) universiti.

“Di samping itu juga, pihak PPKPK turut berkongsi pengalaman mengenai strategi korporat, budaya korporat dan pengurusan kerja yang dilaksanakan oleh PPKPK,” ujar beliau.

Tambah Wan Azlee lagi, lawatan ini diharap dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala antara PPKPK dengan Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko, UMT di samping meluaskan jaringan hubungan kerjasama dalam bentuk konsultasi, pertukaran idea dan sebagainya.





UMP semak Pelan Strategik 2011-2015 ukur tahap pencapaian

Berita dan foto oleh: WAN AZLEE HAJI WAN ABDULLAH

Dalam memantapkan pengajian tinggi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menetapkan empat objektif utama yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 iaitu melahirkan graduan yang berketerampilan, mengenalpasti inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan, meneraju perkhidmatan kepada industri dan masyarakat serta mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

Bagi memantapkan Pelan Strategik ini, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) menganjurkan Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang dihadiri seramai 70 orang staf UMP yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik UMP 2011-2015, Dekan, Ketua Jabatan dan ahli-ahli *High Performance Team* (HiPET).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bengkel ini bertujuan untuk menyemak semula Pelan Strategik UMP 2011-2015 dengan menetapkan sasaran bagi menentukan tahap pencapaian berdasarkan nilai ukuran yang ditetapkan.

"Bengkel turut mengenalpasti inisiatif-

inisiatif yang bermasalah dan tindakan pemulihan yang perlu diambil bagi melancarkan pelaksanaan dengan menajar semula inisiatif Pelan Strategik UMP dengan *Critical Agenda Projects* (CAPs) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi mencapai keselarasan pelaporan data.

"Dalam melicinkan pelaksanaan pelan strategik ini, UMP juga akan mengenal pasti keperluan pengagihan sumber manusia," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Swiss Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur pada 15 April 2013 yang lalu.

Beliau menekankan pentingnya peranan setiap ketua (*Champion*), Sekretariat, Pemudahcara, Ketua Inisiatif dan Ketua CAP dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik UMP dicapai mengikut garis masa yang ditetapkan.

Manakala peranan Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik UMP pula akan menganalisa laporan pencapaian setiap Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Agenda Projek Kritikal (CAPs) serta memantau pelaksanaan inisiatif Pelan Strategik dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Selain itu, Dato' Dr. Daing turut menekankan pentingnya budaya kerja cemerlang dalam merealisasikan agenda universiti dengan berfokuskan strategi, berasaskan nilai dan berpandukan prestasi.

Katanya, laporan hasil bengkel yang disepakati ini akan dimurnikan oleh setiap *Champion* Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) sebelum dikemukakan laporan penuh kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pihak Lembaga Pengarah Universiti.

Terdapat empat UKRA yang dikenalpasti iaitu, pertama adalah peningkatan kualiti akademik yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz; kedua adalah kelestarian kewangan yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus; ketiga melibatkan pembangunan sosioekonomi yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan keempat melibatkan penjenamaan untuk penjarangan strategik yang masih belum dibuat pelantikan lagi.



Lawat..... Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan pegawai utama universiti melawat Galeri UMP.



Meriah..... Antara aktiviti yang diadakan pada Majlis Makan Malam anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) UMP.



Bersemangat..... Siswa UMP yang telah menjayakan Program Kembara di Kampung Tekek, Pulau Tioman.



Lasak..... Siswa UMP yang terlibat dalam Majlis Penutup Kursus Kadar Siri 1/2013 Rejimen 505 Askar Wataniah.



Menarik..... Pertunjukan pakaian kaum Cina sempena Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2013.



Serbu..... Booth UMP dikunjungi ramai pengunjung sempena Karnival Jom Masuk di Hotel Zenith, Kuantan.



Antarabangsa..... Siswa UMP bergambar sewaktu Program Mobiliti Antarabangsa Pelajar UMP di Kampung Tammalang, Thailand.



Tanam..... Naib Canselor menanam pokok sempena Hari Perhutanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2013 yang diadakan di UMP Pekan.



Terbaik..... Naib Canselor melancarkan kereta solar UMP 'Kilau 2' yang dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.



Klik-Klik
Lensa



UMP anjur Rehlah dan Ziarah

Oleh: MOHAMAD HILMI MAT SAID DAN DR. MOHD. RASHID AB. HAMID

Seramai 26 jemaah di kalangan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama keluarga masing-masing menyertai program Rehlah Umrah dan Ziarah anjuran Badan Kebajikan Sukan dan Rekreasi (BKSS).

Jemaah selamat tiba di tanahair setelah menyempurnakan ibadah umrah selama 12 hari di kota suci Mekah dan Madinah pada 20 April 2013 yang lalu.

Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang mengetuai rombongan, Ustaz Mohamad Hilmi Mat Said berkata, para jemaah memulakan ziarah di Madinah sebelum berangkat ke tanah suci Mekah.

"Di Madinah, para jemaah dibawa menziarahi makam Rasulullah SAW, perkuburan Baqi, makam para syuhada Uhud dan melawat ladang tamar. Selain itu, para jemaah bersama rombongan lain bertuah kerana berpeluang mendengar ceramah yang disampaikan Profesor Dr. Muhd Kamil Ibrahim yang merupakan rakyat Malaysia yang kini berkhidmat di Universiti Taibah Madinah," kata Ustaz Mohammad Hilmi.

Menurut beliau, dalam memberikan

pencerahan, penceramah menekankan agar para jemaah menggunakan peluang semasa berada di kedua-dua kota suci ini sebaiknya agar melakukan penyucian jiwa dan bermohon agar segala amal ibadat yang dilakukan diterima oleh Allah SWT.

Katanya, setelah berada selama tiga hari dua malam di Madinah, para jemaah dibawa untuk menunaikan ibadah umrah ke kota suci Mekah dengan bermiqat di Bir Ali yang letaknya kira-kira 15 km dari Madinah. Kemudiannya, para jemaah dibawa terus ke Mekah untuk menunaikan rukun umrah sambil dibimbing oleh mutawif.

Beliau berkata, selesainya ibadah umrah, para jemaah dibawa untuk berziarah ke sekitar kota suci Mekah. Antara tempat-tempat yang dikunjungi adalah Hudaibiyah, Jaaranah, ladang unta dan Jabal Thur. Para jemaah juga diingatkan untuk melakukan ibadah-ibadat sunat seperti memperbanyakkan membaca al-quran, berzikir, melakukan tawaf sunat dan lain-lain di masjidil haram.

Tambahnya, beliau bersyukur kerana program kembara umrah UMP yang

dilaksanakan buat pertama kali ini berjaya dilaksanakan dan moga-moga ibadat yang dilakukan di tanah suci diterima oleh-Nya. Malah, para jemaah turut dinasihatkan untuk sentiasa istiqomah dalam melakukan ibadat dengan ikhlas hanya untuk Allah SWT.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Mohd. Rashid Ab. Hamid yang menyertai rombongan bersama keluarga melahirkan rasa bersyukur kerana berpeluang menyertai program dan diizinkan menjadi tetamu Allah dalam penganjuran program ini.

Sementara itu, Pengerusi BKSS, Mohd. Raizalhilmly Mohd. Rais melahirkan rasa bersyukur kerana program berjalan lancar dan pihaknya merancang untuk meneruskan program pada masa akan datang.

Katanya, program ini merupakan suatu kemudahan kepada staf yang berhasrat untuk menunaikan ibadah umrah dan ziarah memandangkan segala urusan dibantu staf UMP sendiri. Selain itu, mereka dapat mengeratkan lagi ikatan ukhwh persaudaraan yang sedia terjalin di antara staf serta keluarga masing-masing.



UMP, PKNP turun padang anjur Seminar Transformasi Masyarakat dan Motivasi Pelajar

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), turun padang dengan menganjurkan program Seminar Motivasi Pelajar sempena Majlis Pelancaran Program Amanah PKNP pada 5 Mac 2013 yang lalu.

Program sehari itu dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob di Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota Kuantan.

Katanya, program kemasyarakatan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti dan keperluan PKNP dan UMP untuk memenuhi tanggungjawab sosial khususnya dalam melaksanakan agenda pembangunan sosioekonomi negeri ini.

"PKNP juga mengucapkan terima kasih kepada UMP atas kerjasama ini dalam usaha untuk menambahbaik kehidupan dan kesejahteraan penduduk serta mengadakan program-program pendidikan dan motivasi untuk masyarakat setempat," katanya.

Adnan berkata demikian di hadapan kira-kira 1,000 tetamu yang hadir. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Eksekutif PKNP,

Dato' Haji Lias Mohd Noor.

Program ini turut melibatkan 11 buah kampung sekitar negeri Pahang iaitu Kampung Pagi, Jerantut, Kampung Sungai Temau, Lipis, Kampung Cherok Paloh, Kuantan, Kampung Sungai Miang, Pekan, Kampung Tanjung Agas, Pekan, Kampung Pasir Panjang, Pekan, Kampung Lubuk Paku, Maran, Kampung Ganchong Hulu, Pekan, Kampung Ganchong Tengah, Pekan, Kampung Tanjung Batu, Pekan dan Kampung Kiambang, Pekan.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Indera Mahkota, Yang Berhormat Dato' Phang Tsu Ming, Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Dato' Mohamad Ridzwan Mohd Tahar, Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, Dato' Mat Zara'ai Alias dan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP, Profesor Dr. Abd. Jalil Borham.

Dalam pada masa yang sama, lebih 300 peserta daripada semua kampung menyertai Seminar Transformasi Masyarakat Negeri Pahang yang dikendalikan oleh pensyarah UMP.

Sebanyak tiga kertas kerja telah

dibentangkan oleh pensyarah PBMSK, Imaduddin Abidin yang bertajuk "Transformasi Belia", Pengarah Pusat Keusahawanan, Dr. Omar Jamaludin bertajuk "Transformasi Ekonomi dan Keusahawanan", dan kertas kerja oleh Profesor Dr. Abd. Jalil Borham yang bertajuk "Transformasi Modal Insan".

Manakala bagi program Seminar Motivasi Pelajar pula disampaikan oleh pensyarah PBMSK, Tuan Sidek Tuan Muda bertajuk "Akinnah - Model Pengurusan Hati", "Study Orientation Skills (SOS)" oleh pensyarah PBMSK, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang, "Kaunseling dan Kerjaya Pelajar" oleh Pegawai Psikologi Kanan, Paridah Mohd Ali dan "Spell It Right (S.I.R)" oleh pensyarah PBMSK, Dr. Hafizoah Kassim.

Seminar ini melibatkan hampir 300 pelajar dari daerah Pekan iaitu Sekolah Menengah Agama Ganchong, Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ubai.

Selain itu, program juga diserikan dengan ekspo pameran oleh kampung-kampung terlibat yang mempamerkan produk-produk hasil keluaran kampung masing-masing dan pameran pendidikan oleh UMP.





UMP jalin kerjasama dengan Mercedes Benz

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat automotif berprestij iaitu Mercedes Benz Malaysia apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan, mempromosi dan membangunkan khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Objektif utama kerjasama MoU ini adalah untuk melahirkan jurutera yang berkelayakan dan berprestasi tinggi serta penempatan pelajar UMP di Mercedes Benz.

Kerjasama ini juga adalah pakatan strategik antara UMP dan Mercedes Benz bagi memberi latihan kepada pelajar UMP, keperluan penasihat dalam urusan akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Justeru, dengan adanya kerjasama ini diharap dapat melahirkan graduan-graduan yang lebih kompeten dan berdaya saing di dalam pelbagai aspek.

Penempatan latihan industri di Mercedes Benz juga amat bersesuaian kepada pelajar yang mengikuti program pengajian Dwi Ijazah yang ditawarkan di UMP.

Pihak Mercedes Benz sebelum ini telah menawarkan biasiswa kepada pelajar UMP yang mengikuti program pengajian Dwi Ijazah, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman, (HsKA).

Dalam MoU ini, UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz, manakala Mercedes Benz Malaysia diwakili oleh Mr. Sebastian Streuff, Timbalan Presiden & Pengarah Urusan Kilang Pekan dan Mr. Matthias Adis, Pengurus Kanan Sumber Manusia.

Menurut Dr. Daing Nasir, MoU ini merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang merupakan agenda penting yang terkandung di dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Kedudukan UMP di Pekan yang strategik berdekatan dengan industri automotif yang antaranya melibatkan syarikat DRB-Hicom, Mercedes-Benz, Volkswagen dan Toyota menjadikan program kerjasama ini mampu memenuhi kehendak pasaran dalam bidang yang semakin berkembang maju ini.

"Industri automotif di Malaysia masih memerlukan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi bersesuaian dengan kehendak sektor automotif hari ini dan UMP bakal menyediakan graduan yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri," kata beliau ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di JW Marriot Hotel, Kuala Lumpur pada 8 Mac 2013 yang lalu.

Beliau menambah, pengantarabangsaan sesebuah institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam

merencana hala tuju sesebuah universiti ke arah universiti bertaraf dunia.

"Untuk itu, kerjasama ini dapat memartabatkan lagi kecemerlangan pendidikan dalam usaha menjadikan UMP sebagai hub pendidikan serantau," kata Daing Nasir.

"Ini dilihat sebagai nilai tambah yang akan diperoleh oleh UMP dan ia boleh dijadikan satu kelebihan kepada UMP untuk mendapatkan calon-calon pelajar yang berpotensi," katanya.

Turut hadir menyaksikan MoU tersebut iaitu Pengerusi Lembaga UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan Dr. Ernst Röder-Messell (Eanst Ghude Messe), Counsellor For Economics, Commercial & Environmental Affairs, German Embassy Kuala Lumpur.





Naib Canselor adakan lawatan ke China

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadikan kerjasama dengan Universiti Hebei (HBU) dan Universiti Sains dan Teknologi Hebei (HEBUST) dalam usaha memperkasakan program akademik, antarabangsa dan mobiliti melibatkan pelajar serta staf UMP.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama ini melibatkan penempatan pelajar industri, program akademik, penyelidikan, tenaga pengajar dan program melibatkan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC) dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di universiti ini.

Pusat MLCC ini ditubuhkan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan pelajar dalam memenuhi peluang pasaran pekerjaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Ianya merupakan inovasi UMP dalam merangsang pertumbuhan ekonomi terutamanya di Wilayah Pantai Timur melalui jaringan kerjasama dengan universiti di China," katanya yang hadir mengetuai delegasi pada 24 Januari 2013 yang lalu.

Lawatan susulan ini turut menyaksikan kerjasama berterusan dengan kedua-dua universiti tersebut.

Sebelum ini, UMP telah menandatangani MoU dengan HBU pada 5 Januari 2010. Kerjasama dengan HBU ini telah menghasilkan penubuhan MLCC di UMP.

Turut hadir, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Ir. Dr. Jailani Salihon, Koordinator MLCC, Chong Ah Kow dan Pegawai dari Pejabat Naib Canselor

UMP, Emma Melati Burhanuddin.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, program kerjasama ini juga dapat memberi manfaat dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri seiring dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Beliau hadir menandatangani memorandum perjanjian mewakili UMP dan HBU diwakili Presidennya, Profesor Fu Guangsheng. Hadir sama Timbalan Presiden HBU, Profesor Wang Fengming, Dekan Kolej Pertukaran Antarabangsa dan Pendidikan (CIEE), Profesor Li, Timbalan Pengarah CIFE, Profesor Guo Fuliang, Timbalan Pengarah

Hubungan Antarabangsa Profesor Cheng Enqing dan Penolong Dekan CIEE, Profesor Madya Liang Weige.

Dalam program yang sama, pihak HBU turut melantik Profesor Dato' Dr. Daing Nasir sebagai Profesor Tamu di universiti berkenaan.

Delegasi UMP turut berpeluang bertemu dengan Timbalan Presiden HEBUST, Profesor Jin Zhazhong dan Dekan Fakulti Kimia dan Kejuruteraan Farmaseutikal, Profesor Rong Xinyu bagi membincangkan kerjasama yang bakal dimeterai kedua-dua universiti dalam bidang berkaitan kimia dan kejuruteraan farmaseutikal.





UMP jalin kerjasama dengan IBM Malaysia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) hari ini sekali lagi memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan IBM Malaysia apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam usaha untuk membantu mengkomersialkan produk-produk ICT yang dibangunkan oleh UMP untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Objektif utama kerjasama MoU ini adalah salah satu inspirasi kepada universiti dalam usaha kerjasama untuk membangunkan produk, bertukar pendapat dan secara tidak langsung dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Selain itu, pembangunan pelan perniagaan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran dalam Pengurusan Perniagaan yang membolehkan staf mampu dan berkebolehan dalam membangunkan pelan perniagaan bagi tujuan meningkatkan jualan rakan niaga. Kemahiran pemasaran juga amat diperlukan bagi bersama-sama dengan rakan niaga dalam membangunkan dan mewujudkan strategi pemasaran yang sesuai untuk universiti.

Dalam MoU ini juga, hasil sumbangan inisiatif daripada pihak *Corporate Service Corps* dihargai dengan majlis penutup Program *Corporate Service Corps* (CSC)

anjuran IBM Malaysia dan Australian Business Volunteer di mana objektif utama diadakan program ini adalah untuk memberi manfaat kepada syarikat, pekerja dan juga masyarakat. Ini juga merupakan salah satu cara IBM-CSC berkomunikasi terhadap komuniti dalam membangunkan bakat mereka dan menyumbang kembali kepada masyarakat dengan harapan agar ianya menjadi faktor utama dalam pembangunan akan datang.

Program CSC ini telah bertapak selama 52 tahun tahun di Malaysia. Melalui program IBM-CSC ini, lebih daripada 2000 peserta daripada 50 negara telah menyertai program di 30 negara yang terpilih. Program di Kuantan merupakan pasukan yang ke-8 bertapak di Malaysia semenjak tahun 2009. Kuantan dipilih kerana ianya merupakan sebuah daerah yang mempunyai potensi dalam pembangunan untuk menjana pendapatan dan juga mempunyai kepesatan teknologi pada masa akan datang.

Dalam MoU ini, UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd manakala IBM Malaysia Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua

Pegawai Kewangannya, Norliza Abu Bakar dan Pengurus Cawangan Pantai Timur, Phuah Kean Beng.

Menurut Dr. Daing Nasir, hubungan kerjasama yang telah terjalin di antara pihak UMP dan IBM ini telah membawa kepada terbentuknya pelan perniagaan lima tahun dan hasil daripada *engagement* selama sebulan bersama staf IBM.

"UMP telah membangunkan KIEMS iaitu satu perisian teknologi maklumat berasaskan pendidikan. UMP amat berbesar hati dalam komitmen yang diberikan oleh pihak IBM dalam membantu mempromosikan UMP kepada pelanggan dan pasaran khususnya dalam bidang teknologi maklumat," kata beliau ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di UMP, Kampus Gambang pada 13 Mac 2013 yang lalu.

Beliau menambah, kerjasama yang pertama dengan IBM ini adalah melalui MoU dalam penajajaran platform *Oracle Database* ke platform IBM DB2 bagi mengkomersialkan versi KIEMS supaya dapat berdaya saing dalam pasaran luar.

Turut hadir menyaksikan MoU tersebut ialah di-Pertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Dato' Haji Zulkifli Haji Yacob.



UMP jalin kerjasama bersama MTDS

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak Malaysian Turkish Dialogue Society (MTDS) bagi mendapatkan peluang kerjasama dengan rakan daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Turki melalui rangkaian MTDS dalam aktiviti penyelidikan, pertukaran pelajar, staf dan program pembangunan akademik.

MTDS adalah merupakan sebuah organisasi penyelidikan dan sosial dalam membantu membangunkan dan menyampaikan idea baharu yang efektif melalui dialog kebudayaan, kepaduan komuniti dan melahirkan warganegara yang proaktif melalui rangkaian antara Turki dan Malaysia.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, UMP sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan rangkaian antarabangsa dengan mengambil pelbagai inisiatif bagi melengkapkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

"Persefahaman ini membolehkan peluang terbuka luas bagi UMP menjalinkan kerjasama strategik dengan IPT di Turki khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta pendedahan kepada budaya negara itu.

"Dalam konteks ini, Pejabat Antarabangsa UMP perlu menggalas tanggungjawab ini dalam mengenal pasti rakan strategik luar negara yang berpotensi untuk menjalinkan kerjasama," kata beliau ketika berucap dalam Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada 14 Mac 2013 yang lalu.

Katanya, UMP memberikan sepenuh penumpuan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang mana salah satu bidang keberhasilannya adalah penjenamaan untuk penjajaran strategik bagi memastikan pendekatan terbaik bagi mewujudkan satu jenama global untuk merealisasikan hasrat UMP menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia.

Dalam majlis ini, UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz, manakala MTDS diwakili oleh Presiden MTDS, Dr Alettin Duman dan Pengarah Pusat Akademik, Dr. Anvarjon Ahmedov.

Hadir sama dalam majlis Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim dan Pengarah Bahagian Jariangan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob

Persefahaman ini membolehkan peluang terbuka luas bagi UMP menjalinkan kerjasama strategik dengan IPT di Turki khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta pendedahan kepada budaya negara itu



UMP jalinan kerjasama dalam program pembangunan kemasyarakatan PKNP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama strategik dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan program Amanah PKNP dalam usaha membantu meningkatkan pembangunan kemasyarakatan di negeri Pahang.

Usaha sama ini melibatkan PKNP yang akan bertindak sebagai moderator dalam mengerakkan jabatan atau agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT), GLC, NGO dan pihak swasta dalam menjayakan program-program kemasyarakatan khususnya berkaitan bidang perniagaan dan keusahawanan bagi menjana pendapatan masyarakat luar bandar.

Majlis menyaksikan acara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham mewakili UMP. Manakala PKNP diwakili Ketua Eksekutifnya, Dato' Haji Lias Mohd. Noor dan Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan), Dato' Hajah Khalijah Abd. Malek.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini akan melibatkan program pembangunan modal insan yang memberi penekanan terhadap latihan dan pendidikan sama

ada berbentuk keusahawanan mahupun kemahiran di kalangan masyarakat.

"UMP telah bersedia dalam memindahkan pengetahuan dan kepakaran kepada masyarakat setempat bertepatan dengan penekanan 3 R (*Respect, Referred, Relevant*) yang mana kepakaran tenaga pensyarahnya dikagumi, boleh dijadikan panduan atau rujukan dan boleh dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

"Dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang digariskan universiti juga menetapkan pembangunan sosioekonomi merupakan Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang akan diberi perhatian dalam membangunkan masyarakat setempat," katanya yang berucap sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMP dan PKNP di Kompleks Dagangan Mahkota Kuantan pada 30 April 2013 yang lalu.

Beliau berkata, pihak Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) akan bertindak sebagai koordinator di UMP bagi mengkoordinasikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat dalam menjayakan kerjasama yang amat bermakna ini.

Sementara itu, Dato' Haji Lias Mohd. Noor berkata, projek pertama pada masa ini

melibatkan masyarakat luar bandar daripada 14 kampung yang dikenal pasti dalam melaksanakan program kemasyarakatan Amanah PKNP.

Walaupun aktiviti kemasyarakatan ini bukanlah suatu yang baharu di Malaysia, namun platformnya adalah berbeza tetapi mempunyai hasrat yang sama iaitu membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat.

PKNP merupakan salah satu agensi pembangunan kerajaan negeri yang berperanan dalam meningkatkan, mendorong dan memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial terutamanya di kawasan luar bandar.

Pihaknya percaya kolaborasi ini akan mewujudkan satu pasukan yang mempunyai kebolehan, keupayaan dan kemahiran dalam membangunkan agenda kemasyarakatan ini.

Program turut melibatkan di kalangan pelajar sekolah terutamanya yang bakal menduduki peperiksaan awam dan juga program berteraskan motivasi serta keagamaan dalam melahirkan insan yang berketerampilan untuk masa depan negara.

Hampir 100 orang di kalangan staf PKNP dan UMP yang terdiri daripada staf PBMSK dan BJIM hadir menyaksikan majlis yang penuh bermakna ini.



UMP terima sijil ISO/IEC 27001 perkuat keselamatan ICT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pensijilan ISO/IEC 27001 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan (Information Security Management System (ISMS) untuk skop operasi dan penyelenggaraan Pusat Data UMP di Gambang.

Pengiktirafan ini merupakan inisiatif UMP menerusi Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dalam memperkemas dan menguatkan benteng pertahanan keselamatan ICT terutamanya melibatkan keselamatan penggunaan internet serta berdepan dengan ancaman siber.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, keupayaan untuk mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang berintegriti dan berteknologi tinggi merupakan antara kriteria signifikan dalam menentukan aras kepercayaan pelanggan dan pemegang taruh terhadap universiti ini.

"Pensijilan ini merupakan sebahagian daripada tuntutan transformasi perkhidmatan yang dihasratkan kerajaan untuk mewujudkan sistem penyampaian cemerlang, cekap dan berkesan serta turut menyumbang agenda transformasi Kerajaan," katanya semasa

menyampaikan ucapan sempena Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil MS ISO/IEC 27001:2007 di Dewan Bankuet, Canseleri UMP Kampus Gambang pada 22 April 2013 yang lalu.

Beliau berbangga dengan pengiktirafan ini dan mengharapkan kegigihan yang ditunjukkan oleh pasukan ISMS PTMK ini perlu diteladani dan menjadi inspirasi kepada warga UMP yang lain.

Sementara itu, Ketua Perunding Teknikal ICT, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, Wan Rosdi Wan Dollah berkata, pihaknya telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam mempertingkatkan tahap keselamatan ICT.

Antaranya adalah penggubalan Dasar Keselamatan ICT, penubuhan Pasukan Respon Kecemasan Komputer Kerajaan (GCERT) dan pelaksanaan pensijilan standard MS ISO 27001 ISMS ini dengan sasaran 62 agensi sektor kerajaan mendapat pensijilan dalam tempoh tiga tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, sehingga kini

hanya 34 agensi sahaja di kalangan sektor awam telah melaksanakan audit persijilan ISMS dan 16 daripadanya telah berjaya dipersijilkan.

Menurut Wan Rosdi, pihaknya berbangga dengan kesungguhan UMP mendapat pengiktirafan dalam masa yang singkat iaitu empat bulan sahaja. Selain itu, UMP merupakan IPTA ketiga yang mendapat pengiktirafan sijil ini selepas Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam majlis ini, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menerima sijil pengiktirafan daripada Ketua Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Lee Lay Kuan.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah PTMK, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd.



27 kontinjen staf UMP sertai perarakan Maulidur Rasul



Seramai 700 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1434H Peringkat Universiti yang berlangsung pada 28 Januari 2013 yang lalu di Kompleks Sukan UMP bagi meraikan keputeraan Baginda Rasulullah S.W.T.

Program anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor (PNC).

Sebanyak 27 kontinjen mewakili jabatan dan fakulti berkumpul di Kompleks Sukan UMP dan berarak sejauh 2 km menuju ke Masjid UMP sambil berselawat dengan rasa penuh kecintaan buat Junjungan Agung Nabi Muhammad S.A.W.

Turut memeriahkan acara sambutan Maulidur Rasul iaitu kontinjen kanak-kanak daripada Taska Anakku Comel yang menampilkan anak-anak staf UMP yang berumur antara tiga hingga empat tahun.

Sambutan yang bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" ini diketuai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi barisan kepimpinan universiti iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato'

Dr. Ir. Badhrulhisham Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Yunus, dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Mohd Na'em Suhaimi.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapannya turut mengingatkan warga UMP agar sambutan Maulidur Rasul perlu disertai dengan kesedaran tulen untuk mengikut sunnah Baginda dalam setiap lapangan kehidupan dan bukan sekadar upacara semata-mata.

"Apatah lagi tema Sambutan Maulidur Rasul tahun ini amat signifikan, baik dalam konteks hidup masyarakat majmuk Malaysia dan juga kewajipan kita sebagai penjawat awam di universiti ini.

"Inilah hakikat yang perlu ditekuni warga UMP sempena sambutan Maulidur Rasul kali ini supaya dua tahun yang berbaki sebelum berakhirnya pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini diisi dengan inisiatif dan komitmen yang digerakkan secara kolektif dengan ikhlas dan bertanggungjawab.

"Justeru, dengan semangat wasatiyyah, bersama kita bina kecemerlangan UMP berasaskan keutamaan-keutamaan yang telah digariskan. Melalui jajaran koordinat

disiplin, sikap, strategi dan inisiatif yang terarah, Insha-Allah, apa yang telah direncana untuk universiti ini melalui Pelan Strategik UMP 2011 - 2015 akan dapat direalisasikan," ujar beliau.

Beliau berharap mudah-mudahan dengan pernyataan rasa cinta yang mendalam kepada Rasulullah S.A.W. tersebut, maka universiti ini akan terus dilimpahi dengan naungan rahmat kecemerlangan, keselamatan dan kesejahteraan daripada Allah SWT.

Selain itu, majlis turut diserikan dengan persembahan Qasidah daripada Kumpulan Dervish Mawlid Ensemble.

Dalam majlis yang sama, Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan hadiah dan sijil penyertaan sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik.

Tempat pertama dimenangi oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad), tempat kedua hingga kelima dimenangi oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dan Jabatan Bendahari manakala Taska Anakku Comel pula menerima hadiah penghargaan.

UMP bantu pulihara hidupan marin



Bukan setakat membantu golongan memerlukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Taman Laut Malaysia kini melangkah setapak ke depan menerusi program tanggungjawab komuniti dengan menyemai rasa cinta terhadap alam sekitar khususnya kehidupan laut dan tanggungjawab kepada masyarakat setempat.

Berebalkan semangat itu, satu program *Winning Hearts & Minds: Kembara Ke Tioman* telah diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SaFFAD) sempena Tahun Kesukarelawan UMP pada 7 hingga 10 Mac 2013 yang lalu dan seramai 17 orang pelajar dari kelab MECHAPRO, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang dibimbing oleh Dr Gan Leong Ming, pensyarah FKM dan staf UMP telah berjaya menyiapkan sebanyak 15 unit tukun tiruan.

Bertempat di Taman Laut Kampung Tekek, Pulau Tioman, UMP telah melabuhkan tukun tiruan yang diperbuat daripada konkrit dan besi yang diacu dan diletakkan di dasar laut supaya menjadi tempat pembiakan haiwan marin dan terumbu karang serta juga penahan kekuatan ombak di pulau 10 tercantik di dunia itu.

Disaksikan ADUN Tioman, YB Kapt (B) Dato' Haji Mohd Johari Haji Hussin berkata, usaha berkenaan yang pertama seumpamanya dilakukan institusi pengajian tinggi di kepulauan ini adalah khusus bagi pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan laut, terutama terumbu karang yang terkenal di pulau pelancongan itu.

"Program itu memberi manfaat kepada alam sekitar serta penduduk dan kebiasaannya dilakukan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan alam sekitar," katanya ketika memberi ucapan semasa program berlangsung.

Selain itu, pemeriksaan kesihatan juga turut diadakan oleh 10 pelajar Fakulti Perubatan, UIAM bagi penduduk memperoleh status tekanan darah, jenis darah, berat badan dan diet seimbang masing-masing. Program serentak ini merupakan satu kaedah yang baik bagi kepentingan secara bersama untuk program-program lain di masa akan datang.

Bagi pengarah program, Teo Sir Hiang, 23 pula berkata, projek ini adalah tanggungjawab sosial kita kepada masyarakat pulau ini dan memberi pendedahan awal kepada aspek kesihatan dan tanggungjawab

kepada alam sekitar.

"Sambutan penduduk dan kerjasama dari badan kerajaan amatlah dihargai di dalam menjayakan program ini dan mahasiswa dapat menyemai semangat cintakan alam sekitar juga," menurutnya lagi.

Sementara itu, seorang penduduk, Sipati Mohd Jamil, 54 berkata, sumbangan itu bukan sahaja dapat mengindahkan kehidupan laut malah menarik lebih ramai pelancong ke sini.

"Selain program berkaitan alam sekitar, program kesihatan sebegini jarang dilakukan di kepulauan ini dan dengan adanya program seperti ini juga para penduduk dapat mengetahui maklumat kesihatan secara menyeluruh," katanya.

Pelbagai program dijalankan sepanjang tiga hari berkampung di kepulauan. Antaranya perlawanan persahabatan bola sepak di antara belia dan mahasiswa, program kerohanian di Dewan Sekolah Menengah Tekek dan pada hari terakhir program gotong-royong membersihkan pantai yang melibatkan kesemua pelajar.

Turut hadir pada program ini adalah Pengarah Urusan UMP Holdings Sdn. Bhd., Profesor Ir Dr Yusoff, Ali dan Penolong Pendaftar (SaFFAD), Abd Rahman Ahmad yang mewakili delegasi dari UMP.





5 pelajar terima bantuan banjir

Seramai lima Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini menerima sumbangan daripada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi meringankan bebanan dan kerugian yang ditanggung keluarga mereka yang tinggal sekitar Kemaman, Kuantan dan Kota Bharu.

Sumbangan diserahkan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di pejabat beliau pada 4 Januari 2013 yang lalu.

Antara pelajar ini terdiri daripada pasangan adik-beradik iaitu Amira Hanis Raimi dan Athirah Zuriani Raimi; Nor Hasmira Abd Hamid; Nur Farhana Md Razaki dan Yan Jia Wei.

Dato' Dr. Daing yang menemui pelajar berkata, setiap pelajar diberikan sumbangan sebanyak RM 1000 hingga RM 1500 seorang

yang diperuntukkan melalui Tabung Kebajikan Pelajar di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad).

"Walaupun jumlah wang yang diberikan tidak begitu banyak namun diharapkan ianya dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh pelajar dan keluarganya yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini," katanya.

Kata beliau, pihaknya turut bersimpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga Nor Hasmira Abd. Hamid yang merupakan Pelajar Tahun 2, Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia yang kehilangan adik beliau yang berumur 15 tahun akibat tergelincir ketika memindahkan barang sewaktu banjir melanda di kampungnya.

Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Projek, Amira Hanis berkata, beliau dan adiknya amat menghargai sumbangan

dan keprihatinan pihak UMP membantu pelajar yang ditimpa musibah. Menurutnya, sumbangan ini pastinya akan diserahkan kepada kedua ibu bapanya untuk membeli keperluan rumah dan buku-buku persekolahan adik-adiknya yang rosak.

Beliau yang kebetulan berada di kampung ketika kejadian turut mengimbas kejadian banjir yang berlaku begitu pantas sehingga mereka sekeluarga terpaksa berpindah ke Sekolah Menengah Bukit Mentok Kemaman selama tiga hari.

"Air naik dengan pantas dan melepasi aras pinggang menyebabkan banyak peralatan elektrik tidak dapat diselamatkan serta turut rosak ditenggelami air," katanya.

Turut hadir semasa menyampaikan sumbangan adalah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



Program Selangkah ke UMP suntik semangat pelajar sekolah cipta kejayaan

Program Selangkah ke UMP bersama anak-anak Kampung Janda Baik anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 9 April 2013 yang lalu mampu memberi suntikan semangat kepada 60 orang pelajar yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini.

Pelajar yang hadir berpeluang menyelami kehidupan sebagai mahasiswa kampus dengan tinggal di asrama selama tiga hari dua malam diiringi empat orang guru pembimbing iaitu Ustaz Zainal Bidin, Wan Ahmad Shahrul Azwan Che Mohd, Rohaida Ahmad dan Prema Chandra Sakaran Naidu.

Menurut Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Abdul Na'em Suhaimi, program melibatkan 25 mahasiswa UMP ini adalah kesinambungan Program Kembara Radio Malaysia Pahang FM bersama UMP yang bertujuan mendekati masyarakat dan komuniti di Kampung Janda Baik Bentong.

"Program ini memberi peluang kepada pelajar sekolah merasai kehidupan sebagai mahasiswa universiti di samping memberi semangat kepada mereka untuk berjaya sampai ke menara gading dan menjadi insan berguna.

"Modul yang disediakan begitu komprehensif antaranya sesi *ice-breaking*, program eksplorasi, slot kreatif dan inovasi,

sesi motivasi dan muhasabah diri, melawat makmal dan fasiliti sekitar kampus universiti.

"Mereka turut berpeluang berkunjung ke pameran Hari Terbuka Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di TUDM Kuantan dan melawat ke RTM Pahang," katanya.

Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Janda Baik, Mejar (B) Husin Haji Nordin berkata, beliau berasa amat teruja dengan layanan, kesungguhan dan komitmen mahasiswa UMP dalam membantu menjayakan program ini.

Malah, beliau merancang untuk meneruskan program dengan memberi penekanan terhadap aspek persediaan menjelang peperiksaan sebagai usaha merealisasikan hasrat sekolah untuk mengekalkan prestasi sekolah luar bandar terbaik di daerah Bentong.

Sementara itu, Ketua Pemuda Bahagian Bentong, Datuk Johari Harun, yang hadir merasmikan majlis penutup program Selangkah ke UMP bersama anak-anak Kampung Janda Baik memuji penglibatan PIBG, guru dan mahasiswa UMP dalam usaha memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar untuk berjaya dalam kehidupan.

Peserta terbaik program, Nurin Yasmin Nazri berasa amat gembira kerana terpilih mengikuti program berkenaan walaupun

terpaksa berjauhan dengan keluarga buat pertama kali dalam hidupnya.

Nurin yang menyimpan hasrat menjadi mahasiswa universiti suatu hari nanti juga berazam untuk mendapat keputusan terbaik dalam UPSR dan tidak akan melupakan pengalaman bertemu dengan juruhebah di RTM Pahang semasa sesi lawatan.

Bagi kategori pelajar lelaki terbaik, Mohd Nor Ilham Mohd Rahmad melahirkan rasa amat gembira dan lebih bersemangat untuk mencipta kejayaan selain berjanji untuk berusaha mengharumkan nama sekolah pada peperiksaan yang akan menjelang tiba nanti.

Ilham ternyata lebih bersemangat untuk belajar demi mencapai cita-cita menjadi juruterbang apatah lagi berpeluang menyaksikan pameran pesawat bersempena Hari Terbuka ATM di Kem Batu 10 di Kuantan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang dan bacaan ikrar serta persembahan menarik daripada pelajar bertajuk Gemuruh, Ultraman dan *Such a Happy Day*.

Hadir sama dalam majlis penutup adalah Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat UMP, Profesor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pengarah Penyiaran RTM Pahang, Zubag Ibrahim.



Mahasiswa jelajah kampung dalam Kembara Pahang FM bersama UMP

Seramai 52 mahasiswa dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kembara Radio Malaysia Pahang bersama UMP untuk mendekati masyarakat dan komuniti di Kampung Janda Baik Bentong pada 3 Februari 2013 yang lalu.

Pelbagai program disusun bagi mengeratkan hubungan melibatkan mahasiswa dan warga kerja UMP dan RTM serta penduduk kampung. Di antaranya adalah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, motivasi pelajar, ceramah agama, kenduri rakyat dan pameran bagi mempromosikan universiti.

Ketibaan rombongan mahasiswa dan konvoi RTM dan UMP disambut Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Janda Baik, Haji Jahari Arop dengan sambutan yang cukup meriah termasuk kehadiran seramai 20 di kalangan ibu dan ayah angkat yang hadir bersama ahli keluarga masing-masing.

Program bermula dengan slot motivasi di kalangan seramai 50 pelajar sekolah yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Peperiksaan Menengah

Rendah (PMR) pada tahun ini, manakala pada sebelah malamnya diadakan Ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan Timbalan Kadi Daerah Bentong, Haji Roslan Mat Isa.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP amat berbesar hati kerana berpeluang menjadi rakan kongsi Radio Malaysia Pahang FM untuk menjayakan pelaksanaan program kembara ini.

"Kesempatan ini ditambah pula dengan ruang masa yang terluang sempena cuti semester merupakan peluang keemasan kepada para peserta dari UMP untuk memasyarakatkan diri mereka melalui pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang dua hari program berlangsung.

"Walaupun dibatasi oleh perimeter masa yang terhad, namun permukiman singkat di Kampung Janda Baik ini tetap mampu menampilkan enam aktiviti yang menasaskan empat segmen komuniti kawasan ini iaitu Kanak-kanak, Remaja, Masyarakat dan Pendidikan," katanya dalam Majlis Perasmian Penutup Program Kembara Radio Malaysia Pahang FM bersama UMP di Masjid Abu Bakar

Kampung Janda Baik.

Dato' Dr. Daing berkata, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Tambah beliau, sebagai sebuah universiti yang memfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UMP turut komited untuk meningkatkan literasi ilmu masyarakat. Justeru katanya, program ini berjaya mendokong objektif dalam memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti.

Selain itu, dapat menyuburkan hubungan yang harmoni antara UMP dengan media dan masyarakat melalui perkongsian pintar serta mempromosikan jenama UMP sebagai sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama.

Sementara itu, Haji Jahari berkata, pihaknya gembira atas kesudian warga UMP dan RTM yang hadir berkampung di Janda Baik yang kaya dengan produk inap desa dan tumpuan pelancong asing bagi menikmati kehidupan suasana kampung.

Katanya, aktiviti yang dijalankan dapat memberi manfaat terutamanya dalam memberi suntikan semangat kepada anak-anak kampung, malah mahasiswa sendiri dapat mengeratkan hubungan bersama keluarga angkat masing-masing.

Hadir dalam majlis, Ketua Pemuda Bahagian Bentong, Datuk Johari Harun, Penolong Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Penyelaras Teknikal RTM Pahang, Fazmal Nizam Zainudin dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Abdul Na'em Suhaime.

Bagi Mohd Dum Taib, 47 yang mengusahakan chalet Rumah Bonda Homestay di Janda Baik berpendapat beliau berbangga dapat menyertai program bersama-sama mahasiswa UMP sebagai anak angkatnya iaitu Muhammad Ridhwan Ismail dan Mohammad Aienuddin Jamaludin.

Katanya, kesempatan masa yang sedikit dapat memberi peluang baginya membawa mahasiswa melawat sekitar kampung dan menjalankan aktiviti menjala ikan di sungai serta memetik buah duku di dusun miliknya.

Program diakhiri dengan kenduri rakyat dengan sajian menu kampung seperti gulai kawah, opor daging dan ulam-ulam untuk dinikmati bersama lebih 500 penduduk kampung.



100 berkonvoi motosikal dekati masyarakat

Seramai 100 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Konvoi Jelajah Anak Malaysia anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) pada 22 April 2013 yang lalu.

Acara pelepasan konvoi disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin tepat jam 8.30 pagi di UMP kampus Gambang.

Peserta bergerak memulakan perjalanan menaiki motosikal dari UMP menuju ke Kampung Ganchung Hulu sebelum meneruskan destinasi ke Kampung Peramu Jaya dan berakhir di Kampung Sungai Tiram.

Penolong Pegawai Tadbir dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad), Mohd Ferdaus Musa yang mengetuai program berkata, peserta singgah di beberapa kampung bagi bertemu dengan masyarakat dan menjalankan aktiviti kebajikan serta menyampaikan sumbangan kepada penduduk yang kurang berkemampuan.

“Program sehari ini juga mengajak generasi muda bersama-sama menangani gejala sosial terutama lumba haram dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia selain memberi pendedahan terhadap aktiviti kemasyarakatan,” katanya.

Menurutnya, selain turun padang menghulurkan sumbangan kepada 50 keluarga yang dikenal pasti, mahasiswa turut mempromosikan universiti dan memberi

galakan kepada golongan pelajar yang tinggal di luar bandar untuk meningkatkan pencapaian akademik untuk masa depan yang cemerlang.

Sementara itu, pelajar Tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Muhammad Zulhazmi Mansor yang meminati program kemasyarakatan seperti ini berkata, beliau berpeluang menyelami kehidupan masyarakat di sekeliling yang memerlukan pertolongan dan bantuan.

Beliau berkata, walaupun sedikit keletihan, para peserta juga turut mengambil bahagian dalam sukan futsal persahabatan yang diadakan di Dewan Futsal Kampung Tiram bagi mengeratkan hubungan baik dengan belia kampung.

Bagi penduduk kampung, Aminah Yoosuf, 51 yang telah menetap Kampung Tiram lebih 35 tahun berkata, program ini dapat mendekatkan anak-anak muda dengan generasi muda serta warga tua di perkampungan ini.

Begitu juga dengan penerima sumbangan, Abd. Hamid Ismail, 86 yang sangat berbesar hati menerima kunjungan mahasiswa universiti ke rumahnya.

Program yang sama turut dimeriahkan dengan kehadiran Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Profesor Dato’ Dr. Mortaza Mohamed dalam menjayakan siri syarahan Profesor Bersama Masyarakat di Kampung Tiram.





40 anggota Wataniah tamat Kursus KADAR

Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan anggota sukarelawan askar Wataniah yang bernaung di bawah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah Kem Forever 1st Taman Gelora berjaya menamatkan kursus Asas Darat Pegawai Tak Tauliah Rendah (KADAR) Siri 1/2013.

Kursus ini merupakan satu kursus kerjaya dalam menjadi Penolong Ketua Seksyen yang efisien untuk membentuk sebuah organisasi platoon tempur.

Majlis penutup kursus dirasmikan oleh Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, YM Lt Kol Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al-Hajj Ibnu Sultan Sir Abu Bakar bertempat di Dataran Canseleri, UMP Gambang pada 15 Februari 2013 yang lalu.

Menurut Lt Kol Tengku Dato' Sri Kamarulzaman, kursus yang bermula 19 Januari hingga 17 Februari itu berjaya melatih anggota dalam aspek kepimpinan untuk menjadi Penolong Ketua Seksyen yang buat julung kalinya dikendalikan oleh pihak battalion yang lazimnya dikendalikan oleh markas Rejimen.

"Anggota dapat mendalami kemahiran kawad kaki, senjata dan tongkat serta pengendalian senjata, ilmu taktik peringkat seksyen serta ilmu medan perang semasa berada di fasa medan. Kursus KADAR ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah dan nilai kepimpinan di kalangan pelajar," katanya.

Beliau mengharapkan semua anggota dapat menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai ini seterusnya menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang masih tiada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Majlis yang sama turut menyaksikan pemakaian pangkat tauliah semula kepada LTM Mazlan Mohamad yang merupakan staf UMP yang berkhidmat di Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

Sementara itu, Anugerah Kawad Terbaik keseluruhan dirangkul pelajar Mohd Taufiq Mohd Tajuddin. Bagi anugerah Akademik Terbaik dimenangi oleh Siti Fatimah Tooeman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Anugerah Penuntut Keseluruhan terbaik dimenangi oleh Mohd Hibatul Hakimi

Mohd Daud yang merupakan pelajar Fakulti Teknologi (FT).

Menurut Mohd Hibatul Hakimi, 22, beliau amat bersyukur dengan anugerah ini dan tidak menyangka terpilih kerana kehebatan rakan lain juga tidak boleh dipertikaikan.

Katanya, aktiviti yang disertai dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian di kampus terutamanya bagi memupuk semangat keperwiraan, setiakawan dan kerjasama dalam pasukan.

Manakala bagi Siti Fatimah, 23 pula berkata, minatnya yang mendalam dalam badan beruniform ini bermula sejak di bangku sekolah lagi malah, baginya sungguhpun bergelar wanita ianya tidak menghalang baginya meminati bidang yang majoritinya dimonopoli lelaki," katanya.

Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor UMP, Kapten Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Komander Rejimen 505 Askar Wataniah, LT Kolonel Haji Ahmad Bakri A. Majid, Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Pahang, Mejar Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Mejar Profesor Dato' Dr. Rosli Abu Bakar dan pengurusan tertinggi UMP.



Pelajar FKKSA menang pertandingan *Chem-E-Car* anjuran IEM

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dinobatkan pemenang tempat kedua kategori kereta mini dalam Pertandingan Chem-E-Car kali ke-8 anjuran Institut Jurutera Malaysia (IEM) di Taylor University di Subang Jaya Selangor pada 9 April 2013 yang lalu. Pertandingan tahunan ini dikhususkan penyertaannya di kalangan pelajar kejuruteraan kimia.

Pasukan yang dinamakan Rumbling Star dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini terdiri daripada Chiew Yee Ket sebagai ketua pasukan, Tan Ni King, Liew Shi Yan dan Jesslyn Tan Kim Ean dengan seliaan pensyarah FKKSA, Dr. Jolius Gimbut, Dr. Syed Mohd. Saufi Tuan Chik dan Dr Chew Few Ne.

Antara institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang mengambil bahagian termasuklah Urmia University of Technology, Iran; Sebelas Maret University Indonesia; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Kuala Lumpur (UniKL MICET); Universiti Malaya (UM); Taylor University (TAYLOR); Segi University College (SEGI) dan Curtin University (CURTIN).

Menurut Dr. Jolius Gimbut, pertandingan ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar menyertai cabaran dalam mereka cipta dan membentuk sebuah kereta mini yang digerakkan oleh sumber kuasa menggunakan tindak balas kimia.

"Pertandingan dan kereta mini ini merupakan platform yang terbaik bagi mencabar kreativiti pelajar menghasilkan inovasi menggunakan pengetahuan dan pengalaman di luar kelas," katanya.

Beliau berkata, dalam pertandingan kereta ini, kenderaan diuji dengan membawa muatan air dalam tempoh perjalanan tertentu. Kemenangan bergantung kepada kereta yang berhenti menghampiri atau tiba di garisan penamat.

Sementara itu, ketua pasukan Rumbling Star, Chiew Yee Ket berkata, pasukannya tidak menyangka menang pertandingan ini memandangkan banyak persaingan dengan pasukan lain.

Katanya, kejayaan ini menunjukkan komitmen dan hasil daripada usaha gigih ahli pasukannya dalam mencipta inovasi yang dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Pasukannya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 2,000 dan sijil penghargaan. Tempat pertama pertandingan dimenangi pasukan NGU dari Universiti Tun Abdul Rahman (UTAR) dan tempat ketiga milik pasukan Marwan dari Taylor University.





In-Smartive, Persatuan Matahari jayakan Projek Kilauan Mutiara

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN



Seramai 52 orang murid tahun 5 dan 6 Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Triang melalui pengalaman menarik berinteraksi dengan 20 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama tiga hari dalam Projek Kilauan Mutiara di sekolah tersebut pada 3 Februari 2013 yang lalu di Bandar Bera, Pahang.

Projek anjuran Kelab In-Smartive UMP dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SaFFaD) mendapat sokongan Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SK Kuala Triang.

Pengurus Projek, Mohd Hazwan Hussin, 20, berkata, SK Kuala Triang dipilih menerima manfaat Projek Kilauan Mutiara berdasarkan potensi dan prestasi membanggakan sekolah ini di Daerah Bera.

"Walaupun terletak di kawasan luar bandar, namun kami kagum dengan komitmen dan semangat tinggi warga

pendidik dan pelajar SK Kuala Triang terhadap kemajuan akademik sekolah ini," ujar mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ini lagi.

Beliau menambah bahawa para peserta berpeluang mengikuti pelbagai modul dan aktiviti interaktif sepanjang program ini bagi memperkasa motivasi, jati diri dan daya saing akademik mereka. Ini termasuklah program "Timeline", "Story Behind The Paper", "D.I.C.E", "Kau Boleh!", "The Burj", "Menggilap Mutiara" dan "Muhasabah Diri".

Seorang peserta, Muhammad Nafis Naquiddin Muhamad, 12 yang juga Ketua Pengawas SK Kuala Triang mengakui kini beliau lebih berkeyakinan untuk menghadapi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada September nanti.

"Antara aktiviti paling seronok ketika menjalankan aktiviti dalam modul Invent! dan Chopp!. Ianya mencabar pengetahuan

sains dan penggunaan kosa kata bahasa Inggeris," katanya.

Hadir merasmikan penutupan projek ini ialah Penasihat MATAHARI, Datin Hajah Fazia Ali.

Dalam ucapannya, beliau menyarankan supaya Kelab In-Smartive dan SK Kuala Triang terus melestarikan penganjuran projek ini pada masa hadapan.

Datin Hajah Fazia menegaskan bahawa sebagai sebuah pertubuhan sukarela yang berteraskan kebajikan, pihak Matahari sentiasa menyokong sebarang inisiatif yang memberi nilai tambah kepada pembangunan pendidikan dan literasi ilmu, khususnya di kawasan luar bandar seperti Kuala Triang.

Turut hadir dalam majlis perasmian ialah Guru Besar SK Kuala Triang, Kelsom Mohd Sidin, Pengerusi PIBG SK Kuala Triang, Abdul Majid Kassim, Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.



Festival Bayu Kenyalang perkenal kepelbagaian budaya etnik

Buat julung kalinya Sekretariat Mahasiswa Anak Sabah dan Sarawak Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Festival Bayu Kenyalang dalam memperkenalkan budaya etnik dari negeri Sabah dan Sarawak.

Selain memperkenalkan kepelbagaian budaya etnik, penganjuran juga bertujuan mengukuhkan silaturrahim antara mahasiswa kedua-dua negeri ini yang melanjutkan pengajian di UMP.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin berkata, pendedahan budaya dalam program sebegini dapat membuka mata masyarakat tentang atmosfera kepelbagaian kaum di Malaysia.

"Aspek toleransi dan keterbukaan dalam kehidupan masyarakat majmuk merupakan nilai yang diperlukan untuk mengekalkan keharmonian hubungan antara kaum di Malaysia.

"Malahan dalam memahami dan menghargai keunikan budaya sesuatu kaum, kita turut belajar sesuatu kaum

untuk menerima kelainan dan kepelbagaian, sekaligus menolak perasaan prasangka, elemen provokatif dan ekstremisme yang memudaratkan," kata beliau ketika berucap di Majlis Perasmian Festival Bumi Kenyalang yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 20 April 2013 yang lalu.

Tambah beliau, pelaksanaan program bertepatan dengan saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memperkenalkan beberapa teras utama terhadap mahasiswa termasuk kebudayaan, kepimpinan, keusahawanan dan pengucapan awam.

Sementara itu, Pengarah Program Christben Jimmy berkata, penganjuran turut memberi peluang kepada mahasiswa untuk menimba pengalaman dalam mengurus sebuah program, melatih cara berfikir dengan kritis dan kreatif dalam melahirkan mahasiswa berdaya saing di peringkat global.

Festival ini berjaya menepati sasaran apabila lebih 2,000 pengunjung daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat yang

terdiri di kalangan warga UMP, pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat turut sama hadir memeriahkan program.

Pengunjung berpeluang menyaksikan pameran pakaian tradisional, makanan tradisi, alat-alat tradisional, cenderahati, permainan tradisional daripada kedua-dua negeri ini. Selain itu juga diadakan persembahan tarian tradisional iaitu Tarian Magunatip dan persembahan nyanyian daripada Jenit Gervase.

Bersempena dengan itu juga, Persatuan Warisan Sarawak turut menganjurkan uji bakat pencarian hos program Borneo Hornbill bagi Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Festival sehari ini melabuhkan tirai pada malamnya dengan persembahan kebudayaan, pertunjukkan fesyen pakaian tradisional, tarian tradisional dan persembahan nyanyian daripada Diana Erika yang membawakan lagu bertajuk "Macam di KK" dan "Rumandawi". Hadir sama dalam majlis perasmian ialah Pengerusi Persatuan Warisan Sarawak, Dr. John Laurence.

Projek Semaian Budi dekati warga RSK Bedong dan SEMUJI

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN



Seramai 35 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memulakan cuti semester ini dengan pengalaman bermakna bersama warga Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong dan pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa (SEMUJI) dalam Projek Semaian Budi anjuran Kelab In-Smartive di Sungai Petani, Kedah pada 23 Januari 2013 yang lalu.

Bertemakan “Dari Kampus Ke Lapangan Masyarakat”, projek ini mendapat sokongan daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dengan menasarkankan seramai 250 orang warga emas yang menghuni di RSK Bedong dan 150 pelajar SEMUJI yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada akhir tahun ini.

Pengurus Projek Semaian Budi, Muhammad Amin Mohd Faudzi, 21 berkata, inisiatif ini juga serampang dua mata pihak Kelab In-Smartive untuk mendekati warga emas yang terlantar di RSK Bedong dan pada masa yang sama membantu pemetaan haluan pasca-SPM kepada para pelajar tingkatan 5 di SEMUJI.

“Pada sebelah siang, para sukarelawan In-Smartive berkhidmat di RSK Bedong

menurut rutin yang ditetapkan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah hingga jam 5.00 petang manakala pada sebelah malamnya, kami berinteraksi pula dengan pelajar SEMUJI,” kata mahasiswa tahun tiga di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) ini.

Tambah Muhammad Amin, amali pengurusan warga emas yang terlantar di RSK Bedong menurut Prosedur Operasi Standard (SOP) JKM ini merupakan pengalaman baharu buat para sukarelawan.

“Mahasiswa dapat melalui sendiri pengalaman menguruskan kebersihan diri dan sanitasi warga emas yang terlantar di sini termasuklah mengerat kuku, menggunting rambut, menyuap makanan dan memandikan mereka,” katanya.

Bagi Haffizothul Ommi Aziz, 22, mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang juga Timbalan Presiden In-Smartive berkata, walaupun terasa kekok pada mulanya, tetapi keinsafan bahawa warga emas terlibat turut memerlukan perhatian sebagaimana juga ibu bapa sendiri menguatkan semangat di kalangan mahasiswa untuk menyempurnakan cabaran projek ini.

Sementara itu, Penguasa Rumah Seri

Kenangan Bedong, Shahrin Nizar Azudin memuji inisiatif yang diambil oleh Kelab In-Smartive melalui Projek Semaian Budi ini.

Malah, beliau menyifatkannya sebagai satu aktiviti yang unik dan belum pernah dilakukan oleh mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebelum ini.

Katanya, program ini merupakan satu cetusan keberanian para mahasiswa untuk mendekati golongan warga emas terbiar di peringkat akar umbi dan sewajarnya projek ini terus dianjurkan pada masa hadapan.

Projek Semaian Budi diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat In-Smartive Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain kepada Pengetua SEMUJI, Pesol Md Saad dan Penguasa Rumah Seri Kenangan Bedong.

RSK Bedong adalah sebuah institusi jagaan warga emas yang ditadbir JKM di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 [Akta 183] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] manakala bagi SEMUJI pula ditubuhkan sejak tahun 1974 yang merupakan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Kementerian Pelajaran Malaysia yang turut menerima status Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Berprestasi Tinggi.



Semaian Budi 3.0 inisiatif sulung Kelab In-Smartive di Arau

Berita dan foto oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Cuti pertengahan semester kali ini meninggalkan kenangan lebih bermakna di kalangan 37 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menyertai Projek Semaian Budi 3.0 anjuran Kelab In-Smartive UMP yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nangka dan Pusat Koreksional Arau, Perlis pada 8 April 2013 yang lalu.

Projek yang mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Perlis, Jabatan Penjara Malaysia dan Persatuan Isteri, Anak dan Anggota Perempuan Jabatan Penjara Malaysia (PERSIAP) ini merupakan inisiatif sulung Kelab In-Smartive UMP di negeri tersebut.

Menurut Pengurus Projek, Amanina Farhana Ahmad, 21 yang juga mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, projek Semaian Budi 3.0 ini memberi tumpuan kepada dua sasaran penerima manfaat iaitu para pelajar tahun 5 dan 6 di SK Guar Nangka yang berlangsung pada 5 dan 6 April 2013 dan diikuti permukiman di Pusat Koreksional Perlis

bersama warga PERSIAP pada 6 hingga 8 April 2013.

“Pelbagai aktiviti interaktif mengisi atur cara projek di SK Guar Nangka yang merupakan antara sekolah rendah paling cemerlang di Perlis. Ini termasuklah sesi Tak Kenal Maka Tak Cinta, *The Burj*, *Timeline*, *Story Behind The Paper*, *Jendela Jauhari*, *Muhasabah Diri*, *Invent!*, *Radio Buruk* dan *Last Man Standing*,” katanya.

Lebih menarik, para peserta berpeluang merasai pengalaman menikmati hidangan dalam talam bersama-sama dengan guru dan fasilitator. Selain itu, para peserta juga turut berpeluang mendengar ceramah khas bertajuk ‘Di Sebalik Tirai Besi’ yang disampaikan oleh Inspektor Mohd Izham Fadil dari Pusat Koreksional Perlis.

Mengakhiri pengisian Projek Semaian Budi 3.0, mahasiswa UMP berpeluang menerima pendedahan mengenai latar belakang, fungsi dan peranan Pusat Koreksional Perlis dan turut menyantuni warga PERSIAP di sana melalui

pelbagai aktiviti termasuklah sukaneka, kenduri kampung dan gotong-royong.

Pengerusi PERSIAP Pusat Koreksional Perlis, Siti Musliha Harun mengalu-alukan komitmen UMP dalam penganjuran projek ini dan berharap supaya ianya diteruskan pada masa akan datang.

Galakan sama turut diberikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis, Mansor Jusoh semasa merasmikan penutupan projek ini. “Banyak lagi peluang kerjasama dalam pembangunan komuniti yang boleh diteroka pihak UMP dan Kerajaan Negeri Perlis sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini,” kata beliau dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Ketua Unit Perhubungan & Pendaftaran JPN Perlis, Yusuff Man.

Turut hadir ialah Guru Besar SK Guar Nangka, Noorizah Shuid, Ketua Penyelidik Naib Canselor merangkap Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Jamil Mohd Ja’afar.



Kem Interaksi Pemimpin Muda perkasakan jati diri pelajar sekolah

Berita dan foto oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN



Komitmen Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam membangunkan potensi kepimpinan pelajar sekolah memberi nilai tambah yang tinggi kepada pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025. Malah, inisiatif ini juga menyumbang kepada pemeraksanaan jati diri pelajar berasaskan jasmani, rohani, emosi dan intelek dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Demikian harapan Pegawai Pelajaran Daerah Jeli, Haji Ab Kadir Sulaiman ketika merasmikan majlis penutup Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran Kelab In-Smartive UMP di Pulau D.O., Taman Santuari Tasik Pergau, Jeli Kelantan pada 13 April 2013 yang lalu.

Kem selama tiga hari ini melibatkan penyertaan seramai 94 pengawas dan pembimbing rakan sebaya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Lanas, Jeli bersama 37 mahasiswa UMP yang bertindak sebagai fasilitator.

Sepanjang kem ini, para peserta didedahkan dengan pelbagai modul interaktif dan mencabar seperti "Tak Kenal Maka Tak Cinta", Suai Fizikal, Suai Diri, "Last Man Standing", Bursa Saham, "The Burj" dan Muhasabah Diri.

Menurut Pengurus Projek yang juga

mahasiswi Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) Siti Aisyah Mohammad Rasidi, ini merupakan kali kedua Kelab In-Smartive mengelolakan IN-TEAM di daerah jajahan Jeli setelah program sama diadakan di SMK Kuala Balah pada Januari 2013.

"Kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) telah membolehkan semua modul kem ini dijalankan dengan lancar," kata beliau lagi.

Dalam majlis yang sama juga, Haji Ab Kadir turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Anugerah Peserta Terbaik (Lelaki) yang dimenangi oleh Muhammad Lattiffie Latiff, 19 dan pemenang Anugerah Peserta Terbaik (Perempuan) adalah Sazyani Mazlan, 19 yang masing-masing merupakan pelajar tingkatan 6 SMK Ayer Lanas.

Becerita tentang pengalaman yang dilalui peserta, Muhammad Lattiffie berkata bahawa cabaran sebenar kem ini terletak pada keunikan konsep dan pendekatan modul yang digunakan.

Manakala bagi Sazyani pula, reka bentuk modul yang menekankan kewarasan minda dan kewajaran tindakan berasaskan pendekatan "akal mendahului emosi" membezakan IN-TEAM dengan kursus kepimpinan lain yang diikutinya sebelum

ini. Beliau juga berharap agar kem ini terus diadakan pada masa hadapan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengetua SMK Ayer Lanas, Kamaluddin Ismail, Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Jamil Mohd Ja'afar.





53 pelajar tingkat kemahiran berbahasa Inggeris

Oleh: FATIN

Seramai 53 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menggunakan cuti semester universiti kali ini bagi membina keyakinan diri berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan mengikuti Kem *Wonderful World of English* anjuran Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Riverside Janda Baik, Bentong pada 21 Januari 2013 yang lalu.

Penganjuran kem buat kali kelima ini berjaya melatih pelajar meminati dan menggunakan bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris terutamanya dalam berkomunikasi.

Menurut Guru Bahasa PBMSK, Nor Suhardiliana Sahar, Kelab Intellegentsia juga aktif menjalankan lain-lain program seperti "*Spell It Right UMP*", "*So You Think You Can Speak*" serta merancang menganjurkan program *Oh! My English* dan kuiz bahasa Inggeris.

"Selama tiga hari kem dijalankan, pelajar dikehendaki menggunakan bahasa Inggeris untuk bertutur dengan rakan sepasukan di sepanjang program berlangsung dan markah kumpulan akan ditolak sekiranya gagal

mematuhi syarat ini," katanya.

Beliau berkata, aktiviti yang dilakukan juga menarik dan berbentuk permainan dalam bahasa Inggeris yang mencabar minda dengan menekankan aspek pendengaran dan percakapan (*non-verbal and verbal*).

Pengarah program, Nor Fadhillah Mohd Mazalan berkata, kejayaan kem ini untuk mencapai objektif telah tercapai dan dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada peserta.

Selain itu, peserta banyak menimba ilmu dengan cara yang menyeronokkan sepanjang kem.

Pelajar yang mengikuti pengajian Kejuruteraan Kimia di tahun kedua, Siti Hajar Abdul Hamid yang dilantik sebagai fasilitator berkata, kem ini berjaya mengetengahkan pembelajaran yang lebih efektif kepada pelajar agar dapat digunakan walaupun di luar kelas.

Sementara itu, rakannya pelajar tahun tiga Falkulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Nur Naqiaie Yuddin Nor Adzhar yang menjadi fasilitator buat kali pertamanya berkata, aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini



dapat membuatkan pelajar seronok untuk mempelajari bahasa Inggeris.

Malahan katanya, bukan sahaja sekadar menjadi fasilitator dalam memastikan program berjalan lancar, malah di kalangan fasilitator juga berpeluang menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan lebih yakin.





Naib Canselor rasmi Kejohanan Sukan MWGi di kalangan pelajar Malaysia

Berita dan foto oleh: HARYANI ABDULLAH

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Antarabangsa Midwest Games International (MWGi) anjuran Kedutaan Malaysia di Chicago (EMC) dan Persatuan Pelajar Malaysia (MASA) Western Michigan University (WMU), di WMU Kalamazoo, Michigan Amerika Syarikat pada 24 Mei 2013 yang lalu.

Dato' Dr. Daing Nasir yang dalam rangka lawatan rasmi akademik ke Amerika Syarikat (USA) ini juga dilantik sebagai Chef de Mission (CDM) bagi kontingen WMU dalam kejohanan sukan tahunan yang menyaksikan WMU sebagai tuan rumah buat kali ke-3 sejak diperkenalkan pada 1997. Di antara penganjur sebelum ini adalah Purdue University (2010), University of Wisconsin- Madison (2011) dan University of Illinois-Champaign (2012).

Kejohanan kali ini menyaksikan lebih 10 acara sukan yang dipertandingkan yang antaranya adalah acara boling, tennis, badminton, bola jaring, bola sepak dan sepak takraw.

"Kejohanan Midwest Games merupakan

sebuah program sukan yang dianjurkan bagi memberi sokongan dan memperkukuhkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat daya saing yang sihat di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara khususnya di USA," katanya semasa berucap dalam majlis perasmian di WMU.

Beliau menyeru agar semua atlet dan pelajar Malaysia sentiasa menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi menyalurkan kepakaran dan bakat-bakat yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, Dato' Dr Daing turut mengingatkan agar pelajar Malaysia sentiasa menumpukan perhatian kepada pengajian tanpa mengeneipkan aspek-aspek kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam usaha menjadi insan yang sentiasa seimbang akademik dan kehidupan.

Sementara itu, Pengarah Kejohanan Sukan MWGi 2013, Satveer Thind berkata, pihaknya menghargai kerjasama UMP terutamanya kehadiran Dato' Dr. Daing yang juga Alumni WMU dalam menjayakan program kejohanan sukan ini.

Menurutnya, program yang diadakan ini

diharapkan bukan sahaja bersukan, malah merapatkan hubungan baik antara pelajar Malaysia yang menuntut dari berlainan universiti serta mengambil peluang menyertai program kerjaya.

UMP turut mengambil bahagian dalam program kerjaya bagi menemubual bakat-bakat baharu sebagai felo akademik di kalangan pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian di USA serta bertemu dengan staf UMP yang sedang menuntut di sana.

Bersempena dengan kunjungan ini, UMP turut mengadakan perbincangan bagi menjalinkan kerjasama dengan pihak San Diego State University (SDSU) dan Missouri University of Science and Technology (MUST) selain berkongsi kepakaran dalam NAFSA Annual Conference and Expo yang berlangsung di St Louise, Missouri.

Hadir sama menyertai delegasi Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.





Profesor Yuserrie dilantik TNC (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin selaku Profesor di Fakulti Teknologi Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 15 April 2013 hingga 14 April 2016.

Beliau yang berkelulusan Doctor of Business Administration Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1997), Master of Commerce (Hons) University of Wollongong (1992) dan Bachelor of Social Sciences (Hons) Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1986.

Sebelum ini, beliau merupakan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP selama hampir tiga tahun dan pernah menyandang jawatan Dekan Pusat Pengajian Siswazah UMP.

Sidang Editorial *Create* merakamkan ucapan tahniah dan semoga pelantikan ini akan melonjakkan pencapaian UMP ke arah menjadi sebuah universiti teknologi yang cemerlang dan bertaraf dunia.

Pelantikan Baharu/Penyambungan Jawatan Giliran



Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014



Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2015



Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim
Pegawai
Pejabat Antarabangsa
15 Januari 2013 hingga 14 Januari 2015



Profesor Dr. Zulkefli Yaacob
Pegawai
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
15 Februari 2013 hingga 14 Februari 2014



Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
Pegawai
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2014



Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang
Pegawai
Penerbit UMP
1 April 2013 hingga 31 Mac 2015



Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak
Pegawai
Pusat Pengurusan & Penyelidikan
Sumber Alam
15 April 2013 hingga 14 April 2015



Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian
Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
12 Januari 2013 hingga 11 Januari 2015



Noram Irwan Ramli
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal
Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam
7 Februari 2013 hingga 6 Februari 2015



Profesor Dr. Shahrani Anuar
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
18 Februari 2013 hingga 17 Februari 2014



Dr. Mahadzir Ishak@Muhammad
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian
Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
13 Mac 2013 hingga 12 Mac 2015



Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian
Siswazah)
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan
Perisian
1 April 2013 hingga 31 Mac 2015



Nasrul Salim Pakheri
Pegawai
Kolej Kediaman Pelajar 2
1 April 2013 hingga 31 Mac 2014



Shaiful Hakim Mohamed Noor
Pegawai
Kolej Kediaman Pelajar 5
1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013



Perpustakaan ke arah pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 2015

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2008 bagi Skop Perkhidmatan Perpustakaan pada 15 hingga 17 Mac 2013 di Hotel Quality, Kuala Lumpur.

Bengkel tiga hari dihadiri 19 orang staf perpustakaan dan dipandu oleh pemudahcara dari Ketua Pustakawan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Hajah Faridah Haji Mohd Amin.

Sepanjang bengkel para peserta didedahkan kepentingan MS ISO 9001:2008 di perpustakaan serta perkongsian pengalaman dalam menyediakan dokumen bagi memenuhi keperluan pensijilan.

Sebanyak sembilan prosedur kualiti yang akan didokumenkan bagi memenuhi skop perkhidmatan perpustakaan iaitu Prosedur Mengurus Perolehan Bahan, Prosedur Mengurus Perolehan Jurnal Bercetak, Jurnal Elektronik dan Majalah, Prosedur Mengurus Perolehan Pangkalan


Data Atas Talian, Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan dan Prosedur Mengkatalog Bahan Media.

Prosedur lain ialah Prosedur Pendaftaran Keahlian, Prosedur Pinjaman & Pemulangan Bahan, Prosedur Peminjaman dan Pemulangan Bahan Media dan Prosedur Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan.

Selepas sesi bengkel di Hotel Quality Kuala Lumpur, Perpustakaan telah mengadakan bengkel susulan di Bilik Seminar Perpustakaan Gambang pada 4 hingga 5 April 2013 bagi memperkemas lagi prosesur kualiti tersebut.


Walaupun sasaran pensijilan masih jauh namun kerak kerja awal mestilah dilakukan bagi mengelakkan terdapatnya ketidakakuran. Semoga dengan usaha ini membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna.






Judul Buku : *Arabic for Beginners*
 Penulis : Mardhiyyah Zamani, Rosjuliana Hidayu Rosli & Mohamad Baihaqi Hasni
 ISBN : 978-967-0120-53-9
 Muka Surat : 93
 Tahun Terbit : 2013
 Harga Buku : RM 45.00

Arabic for Beginners diterbitkan sebagai rujukan utama kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) khususnya kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek Arab. Naskhah ini amat membantu bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab.




Judul Buku : *Business and Entrepreneurship*
 Penulis : Noor Azlina Azizan & Hajjah Mazita Haji Mokhtar
 ISBN : 978-967-0120-66-9
 Muka Surat : 109
 Tahun Terbit : 2013
 Harga : RM 40.00

This book basically explains on main components of business plan and entrepreneurships. This book is a practical, useful and exhaustive for business. Well structured business plan can accomplished best result of business implementation.



Judul Buku	:	Islam di Pahang
Penulis	:	Abd Jalil Borham
ISBN	:	978-976-0120-61-4
Muka Surat	:	211
Tahun Terbit	:	2013
Harga	:	RM 57.00

Pada keseluruhannya buku ini memberi gambaran sebenar tentang tamadun Islam di Pahang, dari perspektif tamadun Melayu Islam yang menjelaskan pelaksanaan dan perkembangannya sejak ia bermula hinggalah ke hari ini. Secara umumnya, buku ini amat sesuai dibaca oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan setiap lapisan masyarakat terpelajar.



Judul Buku	:	Koleksi Contoh Soalan Hubungan Etnik
Penulis	:	Hasnah Hussiin
ISBN	:	978-967-0120-68-3
Muka Surat	:	119
Tahun Terbit	:	2013
Harga	:	RM 40.00

Buku Koleksi Contoh-contoh Soalan Hubungan Etnik ini disediakan khas sebagai rujukan untuk pelajar yang mengambil subjek Hubungan Etnik bagi mendalami dan memahami bentuk-bentuk soalan mengenai subjek berkenaan. Contoh soalan yang terdapat dalam buku ini diharapkan dapat memberikan panduan untuk pelajar menjawab soalan-soalan yang berkaitan. Buku ini turut menyediakan jawapan yang lengkap bagi membolehkan pelajar membuat latihan.

Apa sebenarnya yang 'kita' takutkan?

Oleh: DR. MANSOR BIN SULAIMAN



Takut merupakan suatu perasaan yang dirasakan oleh semua manusia yang normal. Ia merupakan sebahagian daripada fitrah manusia itu sendiri. Antara contoh takut yang melanda manusia adalah takut kepada kehilangan sesuatu yang dimiliki seperti takut kehilangan harta, takut kehilangan nyawa, anggota tubuh, takut kehilangan pangkat, kedudukan, takut kehilangan waktu rehat dan sebagainya.

Selain itu, manusia juga boleh menjadi takut dalam perkara berkaitan suatu yang tidak dimiliki, sebagai contohnya, sebagai pekerja, takut tidak naik pangkat, sebagai pelajar, takut tidak berjaya mendapatkan pointer yang tinggi dan sebagainya. Di samping itu, pada hari ini terdapat juga takut yang mendatang disebabkan pengaruh persekitaran, salah satu contohnya, pada hari ini kita ditakutkan dengan hantu, jembalang, syaitan dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, ianya dibantu oleh media-media seperti filem, majalah dan sebagainya yang menyuburkan rasa takut ini, malahan dalam masyarakat melayu sendiri dilihat bahawa budaya menakutkan dengan elemen hantu dan mistik ini seolah-olah telah menjadi salah satu elemen yang digunakan dalam mendidik anak. Kita dapat lihat ada di kalangan ibu-bapa sekiranya ingin menghalang anak daripada melakukan sesuatu maka mereka akan menakutkan si anak dengan cerita-cerita hantu.

Kesan perasaan takut terhadap manusia

Perasaan takut mempunyai kesan yang besar terhadap diri seseorang manusia. Antara lainnya ia boleh dilihat dari dua aspek, pertama aspek fisiologi iaitu kesan terhadap fizikal tubuh badan kita, dan keduanya aspek spiritual iaitu ia memberi kesan terhadap sikap dan tingkah laku kita. Dalam aspek yang pertama, kita dapat melihat sekiranya seseorang itu berada dalam ketakutan, tubuhnya akan memberikan tindak balas secara spontan.

Antara kesannya ialah seseorang yang takut akan merasakan dadanya berdebar-debar lantaran jantung yang berdegup dengan lebih cepat, peluh akan keluar daripada muka dan tapak tangan, tubuh akan menggeletar bukan disebabkan kesejukan tetapi kerana ketakutan, begitu juga seseorang itu akan merasakan dirinya sukar untuk bertutur dan sebagainya.

Manakala dari aspek spiritual pula, rasa takut ini terutama takut yang bersagatan akan menggerakkan

elemen-elemen dalaman manusia seperti akal, perasaan dan kehendak sehingga memberi kesan kepada tindakan, sikap dan tingkah laku mereka. Al-Imam al-Ghazali telah memberikan contoh yang mudah untuk kita fahami berkenaan hubungan antara takut dan aspek spiritual, iaitu beliau memberi contoh sekiranya satu mayat ditinggalkan di sebuah rumah pada waktu malam maka secara tidak langsung akan memberi kesan kepada diri mereka yang berada dalam rumah tersebut lantaran dikuasai oleh perasaan takut.

Perasaan takut ini seterusnya akan menolak mereka melakukan pelbagai perkara, antaranya tidak berani untuk tidur berseorangan, melakukan perkara-perkara berbentuk persiapan yang dapat menyelamatkannya sekiranya mayat itu bangkit dan sebagainya. Sedangkan hakikatnya, mayat itu tidak dapat memberi kesan sedikit pun kepada sesiapa di situ. Apa yang menolak mereka kepada perlakuan-perlakuan tersebut hanyalah kesan daripada rasa takut yang telah menguasai unsur-unsur spiritual mereka.

Sekiranya ketakutan berlaku berulang-ulang kali dan tindakan yang sama dilakukan setiap kali menghadapinya, lambat laun tindakan tersebut akan menjadi sebatian dengan diri seseorang. Sebagai contohnya, seorang yang dihantui dengan perasaan takut kehilangan harta, biasanya akan merasa resah dan akan cuba untuk mengelak apabila melalui situasi yang menuntutnya mengeluarkan harta untuk orang lain dalam bentuk derma, hadiah dan sebagainya. Perlakuan mengelak mengeluarkan harta ini lambat laun akan membentuk sifat bakhil dalam dirinya.

Begitu juga sekiranya seseorang itu dihantui dengan rasa takut kehilangan pangkat dan kedudukan, apabila merasakan kedudukan dan pangkatnya tergugat maka beliau akan merasa resah dan akan melakukan pelbagai perkara bagi mengelakkan masalah ini berlaku. Keadaan ini tidak mustahil boleh mencetuskan perkara-perkara negatif. Antaranya, sekiranya beliau merasakan memberikan teguran yang membina dalam organisasi itu akan memudaratkan pangkat dan kedudukan, maka beliau akan mendiampikannya, begitu juga kalau beliau merasakan melaksanakan suatu yang salah dalam agama boleh mengekalkan kedudukan dan pangkat, maka beliau tidak akan teragak-agak untuk melakukannya dan sebagainya.

Panduan Islam dalam menguruskan takut

Begitulah kesan yang boleh dilihat daripada perasaan takut terhadap diri seseorang. Berhubung perkara ini, ajaran Islam sendiri banyak menyentuh persoalan takut ini disebabkan ia merupakan sebahagian daripada fitrah manusia. Bahkan khutbah yang dibacakan oleh setiap khatib di seluruh dunia juga disyaratkan untuk menyebutkan persoalan takut ini. Walaupun begitu, takut yang mesti disebutkan tersebut adalah takut yang sepatutnya iaitu takutkan Allah menerusi seruan 'bertakwa kepada Allah' dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Ianya secara tidak langsung mengajar manusia bagaimana menangani segala perasaan takut yang mendatangi diri mereka. Sebagai contohnya, bagi seorang yang takutkan kehilangan pangkat, dengan adanya rasa takut yang lebih besar dan utama, iaitu takutkan Allah, maka ia dapat membimbing perasaan takut kepada kehilangan pangkat tersebut sehingga tidak terjerumus melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang mengajar kita bagaimana mengurus rasa takut ini sehingga ia boleh menjadi suatu perkara positif yang dapat membawa kepada jalan yang lurus dan diredhai Allah. Contohnya, al Quran telah menggesa kita supaya tidak takut terhadap perkara yang secara adatnya menimbulkan rasa takut seperti mati dan kefakiran. Dalam persoalan berkaitan takut terhadap mati, al Quran telah menjelaskan banyak perkara, antaranya menjelaskan bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara, nikmatnya akan hilang, kehidupan akhiratlah yang kekal abadi dan sebagainya.

Antara nas tersebut adalah firman Allah dalam ayat 64, Surah al-Ankabut yang bermaksud: "Dan kehidupan dunia ini hanya senda-gurau dan permainan. Dan sesungguhnya negeri akhirat itulah kehidupan yang sebenarnya, sekiranya mereka mengetahui." Selain itu, firman Allah

dalam ayat 169 dan 170, Surah Ali Imran yang bermaksud "Dan jangan sekali-kali kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; sebenarnya mereka itu hidup, di sisi Tuhannya mendapat rezeki. Mereka bergembira dengan kurnia yang diberikan Allah kepada mereka, dan bergirang hati terhadap orang yang masih tinggal di belakang yang belum menyusul mereka, bahawa tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati." Oleh kerana itu, seorang mukmin yang benar imannya tidak takutkan mati kerana dia mengetahui bahawa kematian akan memindahkannya kepada nikmat bersifat kekal yang telah dijanjikan kepada golongan bertakwa.

Kesan panduan al-Quran

Hasil daripada pendidikan al-Quran ini, menjadi faktor penting yang menjadikan umat Islam pada zaman awal berjuang pada jalan Allah dengan penuh keberanian, mereka memberikan sepenuh usaha dalam menghadapi musuh dan dalam masa yang sama mengharap mati syahid pada jalan Allah serta berjaya mendapatkan syurga. Mereka merupakan manusia yang sentiasa berhempas pulas melaksanakan amanah khilafah dan dalam masa yang sama memastikan ia selari dengan tugas ibadah. Catatan sejarah turut menukilkan pelbagai keperibadian hebat yang ditunjukkan oleh generasi ini, antaranya keperwiraan Khalid al-Walid, ketegasan Omar al-Khattab, ketulusan Abu Bakar al-Siddiq dan sebagainya. Kesemua keperibadian ini sebagai lambang tiadanya rasa gerun terhadap makhluk lantaran kegerunan sebenar hanya untuk yang berhak diberikan kepadanya iaitu Allah. Oleh kerana itu, dalam sedikit masa, generasi inilah yang memimpin tamadun Islam sehingga berjaya mencapai kemuncaknya sepertimana yang boleh kita temui dalam lembaran sejarah. Inilah kesannya manusia yang berjaya mendidik rasa takut mereka mengikut cara yang sepatutnya iaitu menurut acuan al-Quran

dan bukan menurut acuan akal dan nafsu yang tersasar daripada panduan al-Quran.

Akhirnya, marilah kita renungkan perkara ini terhadap diri kita. Apakah yang sebenarnya yang kita takutkan? Adakah kita telah menguruskan 'takut' kita menurut yang sepatutnya atau tidak? Bagaimana sikap kita apabila bertembung antara takut kepada kemarahan manusia dan kemurkaan Allah. Mana satu yang lebih kita takutkan? Bagaimana perasaan kita apabila bertembung antara kerugian di dunia dengan kerugian di akhirat? Mana satu yang lebih mencemaskan kita? Sekiranya jawapannya cenderung kepada kesilapan dalam menguruskan, tidak sepertimana yang dianjurkan al-Quran, maka inilah masanya untuk kita menguruskan mengikut yang sepatutnya. Kalau kena gayanya, tidak mustahil kita dapat mengulangi sejarah peribadi-peribadi hebat dalam dunia Islam silam. Peribadi yang sangat dinantikan oleh seluruh umat Islam hari ini.

Penulis ialah pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP





Menyingkap gaya hidup orang dulu-dulu

Oleh: DR HASNAH HUSIIN

Apa yang boleh kita kategorikan zaman yang kita hadapi sekarang? Sudah pastinya zaman globalisasi, zaman sains dan teknologi, zaman manusia menuju kemajuan dan kemodenan serta lahirnya generasi Y. Walau apapun, negara tidak boleh lari daripada tsunami Sains dan Teknologi yang melanda seluruh dunia pada hari ini. Pernahkan generasi kini terfikir bagaimanakah agaknya kehidupan manusia sebelum ini tanpa teknologi canggih, *Facebook*, *Twitter*, *laptop* dan bermacam-macam peralatan moden kini. Di sini penulis ingin merungkaikan semula beberapa nilai dan corak kehidupan masyarakat dahulu yang mana ia seakan hilang dan sudah tidak dapat dilihat lagi oleh generasi muda masa kini.

Semangat kejiranan yang kuat

Masyarakat zaman dahulu dilihat mempunyai semangat kejiranan yang tinggi. Apa tidaknya mereka saling kenal mengenali di antara satu sama lain walaupun mereka mendiami sebuah kampung yang besar dan rumah mereka terletak beberapa kilometer di antara sebuah rumah dengan rumah yang lain. Tetapi ini tidak berlaku dalam masyarakat hari ini yang tinggal di kawasan kejiranan.

Bukan sesuatu yang pelik apabila kita tidak kenal jiran sebelah rumah kita. Itu fenomena biasa di zaman ini. Orang zaman dahulu sebut saja nama apa dan tinggal di kampung mana akan ada orang yang kenal si polan si polan. Jadi tidak hairanlah alamat surat menyurat mereka hanya meletakkan nama dan alamat kampung sahaja sudah memadai dan mereka tidak perlu meletakkan nombor rumah dan lorong apa. Sebut saja nama dan kampung, satu kampung tahu.

Biasanya pada zaman dahulu, posmen akan meletakkan semua surat di rumah penghulu dan akan ada individu tertentu yang pergi menghantar surat tersebut atau individu itu sendiri yang datang ke rumah penghulu untuk mengambil surat. Keadaan ini tidak berlaku pada zaman ini. Ini kerana pada zaman sekarang, kebanyakan orang lebih suka tidak mengambil tahu pasal orang lain. Jadi, tidak hairanlah jiran sebelah pun mereka tidak kenal walaupun telah tinggal di situ bertahun-tahun. Apatah lagi dengan wujudnya *e-Mel*, *facebook*, *twitter*, telefon canggih telah memudahkan lagi perhubungan sesama manusia. Begitu juga kemajuan sains dan teknologi telah mempercepatkan lagi pergerakan manusia dari satu tempat ke satu

tempat. Kalau pada zaman dulu-dulu, jika orang Kuantan hendak ke Selangor, mereka perlu berjalan berhari-hari untuk sampai ke sana. Mereka juga perlu membawa bekal makanan yang cukup sepanjang perjalanan. Tetapi tengoklah pada hari ini perjalanan dari Kuantan ke Kuala Lumpur mengambil masa lebih kurang dua jam sahaja.

Gotong-royong

Masyarakat zaman dahulu juga sangat terkenal dengan sikap suka melakukan kerja secara gotong-royong. Malahan gotong-royong telah menjadi *trade mark* orang Melayu pada waktu itu. Ini memandangkan apa-apa sahaja pekerjaan yang memabitkan perkahwinan, kenduri-kendara, sambutan keagamaan, membuat rumah dan sebagainya dilakukan secara bekerjasama. Bagi mereka berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, cubit peha kanan, peha kiri pun terasa. Begitu kuat amalan kerjasama masyarakat zaman dahulu. Tetapi amalan gotong-royong ini semakin terhakis dan kurang diamalkan oleh masyarakat zaman kini. Apa yang dapat dilihat ialah kebanyakan majlis perkahwinan dan kenduri-kendara pada masa kini dilakukan oleh pihak katering.



Kuat berpegang kepada adat dan adab

Masyarakat zaman dahulu sangat terkenal dengan budi bahasa dan sopan santun. Bahkan masyarakat zaman dahulu sanggup bermati-matian mempertahankan budaya mereka. Tetapi tidak pada masa kini. Generasi masa kini pula yang meniru budaya orang lain. Kuatnya pegangan terhadap budaya adab sopan ini menyebabkan lahirnya perumpamaan “biar mati anak jangan mati adat”. Biar betul orang zaman dahulu sanggup anak mati demi mempertahankan budaya. Tanggapan sebegini tidak betul. Apa yang ingin dimaksudkan melalui perumpamaan ini ialah orang Melayu dulu akan memukul anak mereka jika anak-anak tidak mengikut adab yang betul atau tidak mempunyai adab. Mengapa orang Melayu dulu sangat mempertahankan adat dan adab ini ialah kerana ia melambangkan identiti masyarakat itu sendiri. Antara adat yang ditekankan pada zaman dahulu ialah menghormati orang yang lebih tua dan juga wanita, adab makan, adab semasa mengandung, adab bertandang ke rumah orang, adab dalam keluarga dan lain-lain lagi.

Hormat Guru

Pada zaman dahulu tidak ramai masyarakat Melayu yang berpendidikan tinggi. Antara golongan yang berpendidikan tinggi pada masa itu ialah guru-guru sama ada yang berpendidikan Inggeris, Melayu dan Agama. Kedudukan guru dalam masyarakat zaman dahulu amat tinggi memandangkan fungsinya untuk mendidik anak bangsa dan tempat untuk orang kampung meminta apa-apa nasihat daripada mereka. Mereka akan memberikan sepenuh kepercayaan kepada guru-guru untuk mendidik anak mereka. Mereka tidak kisah jika guru memukul anak mereka dengan tujuan untuk mendidik anak-anak mereka. Dalam hal ini, murid-murid juga sangat menghormati guru-guru. Tetapi ini tidak berlaku pada zaman kini di mana jika guru memukul murid sekolah mereka mungkin akan berdepan dengan pelbagai

kemungkinan seperti saman, atau ugutan daripada murid mereka sendiri.

Amalkan gaya hidup sihat

Masyarakat zaman dahulu sangat kuat mengamalkan petua tradisi dan mengamalkan cara atau gaya hidup sihat terutamanya dari segi pemakanan. Jadi tidak hairanlah orang zaman dahulu mempunyai jangka hayat yang panjang dan jarang mengidap penyakit kronik. Ini memandangkan pemakanan orang dahulu sangat *simple* seperti memakan ulam-ulaman, memasak menggunakan teknik kukus/rebus, tiada penambah perisa dan pewarna dan bebas daripada makanan yang terawet. Semuanya segar dari ladang. Apa tidaknya, kebanyakan masyarakat zaman dahulu menanam sayur-sayuran sendiri, tanam padi di tanah sendiri dan tidak lupa juga menjadi nelayan. Oleh itu, ada antara mereka boleh menyara hidup walau pun mereka tidak mempunyai wang yang banyak. Fenomena ini tidak dapat dilihat lagi pada masa kini kerana taraf hidup yang amat tinggi dan manusia memerlukan wang ringgit setiap hari untuk menyara kehidupan.

Daripada perbincangan ini, satu perkara yang penulis ingin sampaikan ialah mengenai perubahan yang sangat besar dalam sistem pendidikan. Orang zaman dahulu juga sangat pentingkan pendidikan. Tetapi mereka susah untuk mendapatkan pendidikan. Sekolah orang Melayu zaman dahulu hanyalah berlantaikan tanah, beratapkan rumbia dan berbukukan papan batu. Untuk ke sekolah mereka terpaksa mengharungi sungai dan denai. Mereka juga tidak berkasut seperti pelajar zaman sekarang. Tetapi semangat untuk belajar sangat tinggi dalam jiwa mereka. Generasi masa kini sangat beruntung kerana peluang untuk mereka mendapatkan pendidikan sangat luas dan mempunyai pelbagai kemudahan. Jadi janganlah kita mempersiapkan peluang yang ada, marilah kita menggunakan peluang pendidikan yang ada untuk kita menjadi pelajar cemerlang dunia dan akhirat.



Generasi masa kini sangat beruntung kerana peluang untuk mereka mendapatkan pendidikan sangat luas dan mempunyai pelbagai kemudahan. Jadi janganlah kita mempersiapkan peluang yang ada, marilah kita menggunakan peluang pendidikan yang ada untuk kita menjadi pelajar cemerlang dunia dan akhirat.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP.



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 2501
Faks : 09-549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>